

Laporan Tahunan
Annual Report

2013

Perbadanan Aset Keretapi
Railway Assets Corporation

Perutusan Pengerusi *Chairman's Message*	4
Latar Belakang PAK *PAK Background*	8
Ahli-ahli Lembaga Pengarah *Board of Director*	9
Struktur Organisasi *Organisation Structure*	12
Warga Kerja PAK *RAC Employees*	15
Profil PAK *RAC Profile*	27
Punca Kuasa PAK *RAC's Jurisdictions*	33
Piagam Pelanggan *Client's Charter*	33
Dasar Kualiti *Quality Policy*	34
Jenis-jenis Aset *Types of Assets*	36
Jenis-jenis Tanah *Land Types*	36
Laporan Prestasi Bahagian *Performance Report of Division*	37
Bahagian Khidmat Pengurusan *Management Service Division*	38
Pengurusan ICT *ICT Management*	47
Perhubungan Awam dan Publisiti *Public Relation and Publicity*	55
Perundangan *Jurisprudence*	71
Bahagian Pengurusan Hartanah *Property Management Division*	73
Pembangunan Aset-aset Keretapi *Development of Railway Assets*	97
Unit Kewangan dan Akaun *Finance and Accounts Unit*	109

Laporan Tahunan *Annual Report* 2013

KANDUNGAN
CONTENT







Perutusan *Chairman*

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa bersyukur kerana Laporan Tahunan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) 2013 dapat diterbitkan sebagaimana yang dijadualkan. Laporan ini memaparkan pencapaian dan kejayaan PAK sepanjang tahun 2013 yang memberi kesan langsung kepada perkembangan industri perkeretapian Negara. Bagi pihak Lembaga Pengarah PAK dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan ini yang berakhir pada 31 Disember 2013. PAK merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 1992.

First and foremost, I would like to record my highest appreciation and gratefulness that the Railway Assets Corporation's Annual Report (RAC) 2013 can be published on schedule. This report shows RAC's achievements and successes throughout 2013 which gives a direct impact on the development of the national railway industry. On behalf of the RAC's Board of Directors I am happy to table Corporation's Annual Report and Financial Statements which ended on 31 Disember 2013. RAC is a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport Malaysia which was established under the Railway Act 1991 (Act 463) and became effective on 1st August 1992.

Tahun 2013, merupakan tahun yang mencabar bagi PAK dalam usaha Perbadanan ini untuk terus merealisasikan misi dan visinya. Bertunjangkan kepada moto iaitu "Mengungguli Pengurusan Aset Keretapi Negara", usaha yang gigih telah dibuat agar pengurusan aset-aset keretapi di Semenanjung Malaysia dan pembangunan industri perkeretapian Negara menjadi lebih efisien dan bersepadu. Secara keseluruhannya, usaha-usaha Perbadanan ini pada tahun 2013 dalam pengurusan dan pembangunan aset-aset keretapi adalah membanggakan. PAK juga telah berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh dalam usaha Perbadanan ini membina asas yang kukuh dan memantapkan tadbir urusnya. Secara peribadi, saya amat berpuas hati melihat pencapaian yang telah dikecapi PAK sepanjang tahun 2013. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak, khususnya kepada warga kerja PAK yang telah menyumbang kepada kejayaan PAK sepanjang tahun 2013.

The year 2013, was a challenging one for RAC in the Corporation's efforts to realise its mission and vision. Based on the motto of "Excellent In National Railway Assets Management", greater efforts were made so that the management of railway assets in the Peninsular Malaysia and the development of the national railway industry become more efficient and integrated. Overall, the efforts of this Corporation in 2013 in the management and development of railway assets were commendable. RAC also tried with determination and diligence in building a solid base and consolidating its management. Personally, I am very satisfied to see RAC's achievements throughout 2013. I would also like to record my thanks and appreciation to all parties, especially to the RAC workforce who had contributed to the success of RAC in 2013.

PRESTASI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ASET-ASET KERETAPI
PERFORMANCE OF THE MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS

Sepanjang tahun 2013, aktiviti penyewaan, pajakan dan tumpang lalu masih lagi menjadi punca utama PAK dalam menjana pendapatan. Proses pengambilalihan penyewaan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang telah dimulakan sejak Januari 2012, masih giat dilaksanakan. Dengan terlaksananya pengambilalihan ini jumlah penyewa/pemajak PAK telah meningkat sekaligus mendatangkan pulangan hasil yang lebih memberangsangkan kepada Kerajaan/PAK. Tindakan ini juga sejajar dengan bidang tugas PAK mengikut peruntukan Akta Keretapi 1991. Tahun 2013 juga menyaksikan permohonan pajakan tanah di antara PAK dengan CSR Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. diluluskan. Pada tahun semasa, projek-projek menaiktaraf infrastruktur keretapi masih giat dilaksanakan antaranya Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar, Projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban-Gemas, Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, pengukuhan landasan dan jambatan keretapi. Selain itu, projek National Key Result Area (*NKRA*) di bawah Pelan Tranformasi Nasional (GTP) Peringkat Kedua iaitu membina tempat letak kereta bertingkat di Stesen Komuter Klang dan Stesen Komuter Rawang turut dibangunkan secara bersama

dengan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Throughout 2013, rental activities, leases and wayleaves continued to become the main sources of generating RAC's income. The process of taking over rent collection function from Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) which started since January 2012, was still actively pursued. With the taking over of this function, the number of RAC tenants/leaseholders had significantly increased thus contributing more encouraging financial returns to the Government/RAC. This move was also in line with the RAC's scope of duties according to the provisions of The Railway Act 1991. The year 2013 also witnessed a request for and approval of lease of land between RAC and CSR Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. In the current financial year, railway infrastructure upgrading projects were still actively implemented, among them the Ipoh-Padang Besar Electric Double Tracking Project, Seremban-Gemas Electric Double Tracking Project, Gemas - Johor Bahru Electric Double Tracking Project, and the strengthening of railway tracks and bridges. Besides those, National Key Result Area (NKRA) project under the Second Phase of the National Tranformation Plan (GTP) involving the construction of Park n Ride facilities at the Klang and Rawang Commuter Stations were jointly constructed with the cooperation of the Public Works Department (JKR).

Selain itu, beberapa cadangan pembangunan di atas tanah keretapi oleh syarikat swasta telah dibuat kajian dan penilaian oleh Perbadanan ini. Cadangan-cadangan pembangunan ini telah diperhalusi secara bersama dengan Kementerian Pengangkutan (MOT), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan KTMB. Antara cadangan pembangunan yang kini dalam peringkat pelaksanaan adalah Cadangan Tambahan dan Pengubahsuaian Pada LRT Stesen Abdullah Hukum Sedia Ada dan Cadangan Pembangunan Sebuah Stesen KTM Komuter 3 Tingkat di Atas Sebahagian Tanah Rizab Keretapi Diintegrasikan Dengan LRT Stesen Abdullah Hukum Sedia Ada di Bangsar dan Pajakan 60 Tahun Di Atas Tanah Rizab Keretapi di Lot 853, Kajang, Selangor Bagi Tujuan Pembangunan Komersil Dan Kemudahan Tempat Letak Kereta.

Futhermore, studies and evaluations of several development proposals on railway lands by the private sector had been carried out by this Corporation. These development proposals were jointly scrutinised with the Ministry of Transport (MOT), Public-Private Partnership Unit (UKAS), Land Public Transport Commission (SPAD) and KTMB. Among the development proposals which are now in the implementation stages are the Proposal For Additions And Improvements On Existing Abdullah Hukum LRT Station and Developmnt Proposal For A Three Storey KTM Commuter Station On Partial Railway Reserve Land Integrated With Existing Abdullah Hukum LRT Station In Bangsar and A 60 Year Lease On Railway Reserve Land At Lot 853, Kajang, Selangor For Commersial Development And Park n Ride Facilities.

Pengerusi *n Message*

PRESTASI KEWANGAN DAN AKAUN
FINANCE AND ACCOUNTS PERFORMANCE

Sepanjang tahun 2013, PAK terus mencatatkan peningkatan hasil kutipan sewa, pajakan dan tumpang lalu yang sangat membanggakan iaitu sebanyak RM13.501 juta berbanding RM12.020 juta pada tahun 2012. Peningkatan hasil yang ketara ini adalah berpunca daripada kutipan pembayaran sewa yang lebih komprehensif dan pengambilalihan penyewaan daripada KTMB. Selain itu, komponen utama lain yang menyumbang kepada pendapatan PAK adalah hasil faedah Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi atas baki akaun semasa dan simpanan tetap. Pada tahun 2013 hasil faedah yang diterima Perbadanan ini mencatatkan peningkatan kepada RM16.485 juta, hasil daripada pelaksanaan pelaburan jangka pendek tidak berisiko dengan jaminan pulangan yang tetap. Hasil jualan bahan-bahan lusuh infrastruktur keretapi seperti besi dan kayu – kayu terpakai pula adalah berjumlah RM2.126 juta.

Throughout 2013, RAC continued to record a commendable increase in the collection of rent revenue, leases and wayleaves amounting to RM13.501 million compared to RM12.020 million in 2012. This significant increase in revenue is derived from a more comprehensive method of rent collection and the taking over of the renting function from the KTMB. Besides that, the other main component which contributed to RAC's revenue is from the interests on RAC Fund's current

accounts and fixed deposits. In 2013 the interests received by this Corporation recorded an increase amounting to RM16.485 million derived from the short-term non-risky investments with guaranteed returns. Revenue from the sales of railway infrastructure scraps such as steel and used wood amounted to RM2.126 million.

Sepanjang tahun 2013, sejumlah RM 6.131 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pengurusan aset berbanding RM3.23 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan pengurusan aset ini merangkumi bayaran penilaian, cukai tanah serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan aset yang lain seperti pembersihan kawasan, pemasangan pagar dan pemasangan papan tanda. Perbelanjaan pengurusan aset ini dilaksanakan selaras dengan usaha dan hasrat PAK dalam memastikan aset-aset keretapi terutama tanah diselenggara dengan efektif dan bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi tanah-tanah dan sebahagian bangunan yang sesuai dan kondusif, ia akan disewakan kepada badan korporat, syarikat-syarikat dan individu-individu yang berminat bergantung kepada kekosongan dan kesesuaian lokasi. Selain itu, perbelanjaan yang tinggi dicatatkan pada tahun 2013 adalah kerana PAK membuat peruntukan hutang ragu bagi hutang yang tidak dapat dituntut pada tahun semasa.

Throughout 2013, a total of RM 6.131 million was spent on asset management compared to RM3.23 million in 2012. This expenditure on asset management covers valuation fees, land taxes as well as maintenance costs and other asset management projects such as area clearance, erection of fences and signboards. This asset management expenditure was done consistent with the RAC's efforts and aspirations in ensuring that railway assets, especially lands, are effectively maintained to avoid any intrusion by irresponsible parties. For lands and some siutable and condusive buildings, they will be rented out to interested corporate bodies, companies and individuals depending on their vacancies and suitability of locations. Besides that, the high expenditure recorded in 2013 was because RAC provided an alocation for dubious debts which were not claimed in the current financial year.

Perutusan Pengerusi
Chairman Message

Selain daripada mewarisi kesemua aset-aset keretapi setelah pembubaran pentadbiran KTM, Perbadanan ini turut mengambilalih kesemua liabiliti dan hutang-hutang pada ketika itu dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion. Pada 31 Disember 2007, PAK telah selesai membayar sebahagian daripada liabiliti berkenaan. Tanggungan hutang PAK keseluruhannya pada tahun 2013 adalah berjumlah RM1.109 billion berbanding RM1.163 billion sebelum semakan semula dilaksanakan pada tahun 2011.

Besides inheriting all railway assets after the dissolution of Pentadbiran KTM, this Corporation also took over all liabilities and debts at that moment estimated to amount RM1.763 bilion. On 31st Disember, 2007, RAC had settled some of the laibilities concerned. RAC's overall debt burden in 2013 amounted to RM1.109 billion compared to RM1.163 billion before revision was made in 2011.

Dengan pencapaian PAK dalam pengurusan aset dan pembangunan infrastruktur keretapi sepanjang tahun 2013, saya percaya PAK mampu melaksanakan tugasnya sebagaimana yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991. Saya yakin dengan tekad dan iltizam yang jitu, PAK mampu bersaing dan berdiri teguh setanding dengan badan-badan berkanun yang lain. Walaupun terpaksa mendepani pelbagai cabaran dan isu semasa, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 2013 ini membuktikan PAK telah berjaya mengorak langkah ke hadapan dalam memastikan industri perkeretapian negara mampu mencapai ke satu tahap yang boleh dibanggakan.

With RAC's achievements in asset management and railway infrastructure



development throughout 2013, I believe RAC is capable of carrying out its duties as what is stated in the Railway Act 1991. I believe that with full commitment and resolve, RAC is capable of competing and standing strongly at par with the other statutory bodies. Even though it has to confront various challenges and current issues, this 2013 Annual Report and Finacial Statements proves that RAC has been successful in moving forward in ensuring that the national railway industry is capable of reaching a commendable position.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata ini, sekalung ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua staf PAK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 2013.
Before ending this message, I would like to congratulate and record my highest appreciation to all RAC staffs directly or indirectly involved in the publication of this 2013 Annual Report and Financial Statements.

Sekian, terima kasih.
Thank you.

sekalung ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua staf PAK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 2013

congratulate and record my highest appreciation to all RAC staffs directly or indirectly involved in the publication of this 2013 Annual Report and Financial Statements

Y. Bhg. Datuk Seri Long See Wool
Pengerusi
Perbadanan Aset Keretapi
Chairman
of Railway Assets Corporation



MAKLUMAT KORPORAT
CORPORATE INFORMATION

VISI
VISION

Peneraju Pengurusan Aset Keretapi Secara Holistik Menjelang 2015
To spearhead Railway Assets Management in A Holistic Manner By 2015

MISI
MISSION

- Mewujudkan sistem pengurusan aset keretapi yang sistematik dan berkesan
- *Leading a holistic Railway Assets Management*
- Memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi selaras dengan keperluan sektor keretapi
- *Develop and redevelop railway infrastructures according to the needs of the railway sector.*
- Memastikan liabiliti diuruskan secara teratur
- *Ensure that liabilities are managed in the most effective manner*

OBJEKTIF
OBJECTIVE

Mewujudkan satu sistem pengurusan aset keretapi yang sistematik dan berkesan, memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi serta menguruskan liabiliti secara teratur.
To establish a systematic and effective Railway Assets Management, develop and redevelop railway infrastructures as well as manage liabilities in the most effective manner.

MOTO
MOTTO

"MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETAPI NEGARA"
"EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSETS MANAGEMENT"



LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTOR

LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTOR







01.
Y.BHG. DATUK SERI LONG SEE WOOL
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
(Tempoh : 26 Januari 2012 sehingga 25 Januari 2013)
Secretary General Ministry of Transport
(Period : 26th January 2012 until 25th January 2013)


02.
Y.BHG. DATO' SRI HAJI AZEMI BIN KASIM
(Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan)
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan)
(Tempoh : 15 Januari 2011 sehingga 14 Januari 2013)
(Director General of the Federation and Mineral)
Department of Lands and Mines
(Period : 15th January until 14th January 2013)

03.
PUAN NORANI BINTI IBRAHIM
(Pengarah Khidmat Korporat dan Antarabangsa)
Unit Perancang Ekonomi
(Tempoh : 29 November 2011 sehingga 28 November 2013)
(Director Corporate Services and International)
Economic Planning Unit
(Period : 29th November 2011 until 28th November 2013)









04.
ENCIK GUNASEELAN A/L K.KUNJAN
Timbalan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Seksyen Cukai Langsung & Cukai Tidak Langsung
Kementerian Kewangan
(Tempoh : 15 Oktober 2011 sehingga 14 Oktober 2013)
Deputy Secretary Tax Analysis
Section Direct Tax & Indirect Taxes
Ministry of Finance
(Period : 15th October 2011 Until 14th October 2013

05.
Y.BHG. DATO' YAP KIN SIAN
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
(Tempoh : 18 Januari 2012 sehingga 17 Januari 2014
Deputy Secretary General (Operating)
Ministry of Transport Malaysia
(Period : 18th January 2012 until 17th Januari 2014

06.
Y.BHG. DATO' ROHAINI BINTI MOHD YUSOF
Setiausaha Bahagian Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia
(Tempoh : 15 Oktober 2011 sehingga 14 Oktober 2013)
Secretary of Land Division
Ministry of Transport Malaysia
(Period : 15th October 2011 until 14th Octover 2013

07.
ZAIDUL BAKRI BIN HAJI ABDUL MUTALIB
Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keratapi
General Manager
Railway Assets Corporation

CARTA ORGANISASI
ORGANIZATION CHART

PENGURUS BESAR GRED UTAMA JUSA C
GENERAL MANAGER JUSA C
ZAIDUL BAKRI BIN HJ ABDUL MUTALIB

UNIT UNDANG-UNDANG
LEGAL UNIT

PEGAWAI UNDANG - UNDANG
LEGAL OFFICER
GRED L41/L44
NAJAH INANI BT ABDUL JALIL

PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22 (KUP)
NORSAIDATUL AZRANI BT HAMZAH

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
PROPERTY MANAGEMENT DIVISION

PENGURUS KANAN HARTANAH
SENIOR PROPERTY MANAGER
GRED M52
HAFIZNIZAM BIN HASIN@HASHIM

PENGURUS HARTANAH
PROPERTY MANAGER
GRED M44
MOHD NIZAM BIN ZAINAL

PEGAWAI TADBIR (HARTANAH)
ADMINISTRATIVE OFFICER (PROPERTY)
GRED N41
MOHD GHAZALI BIN AMAN

PEGAWAI PENILAIAN
EVALUATION OFFICER
GRED W41
NORAINI BT SULAIMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (HARTANAH)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT OFFICER (PROPERTY)
GRED N27/N32
SH. SORAYA BT SY. ABDULLAH

PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22
MUZAFFAR BIN MISPANI

PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22
SYAZWANI BT ALIAS

PEMBANTU OPERASI
OPERATION ASSISTANT
GRED N11
MUHAMAD AZAM BIN AZMI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
PROPERTY DEVELOPMENT DIVISION

JURUTERA
ENGINEER
GRED J44
AZMEL YAMIN BIN WAHAB

JURUTERA (PEMBANGUNAN)
ENGINEER (DEVELOPMENT)
GRED J41
TAN LAI KUM


JURUTERA (TEKNIKAL)
ENGINEER (TECHNICAL)
GRED J41
NORIZAM BT. ABD KADIR

PENOLONG JURUTERA
ENGINEER ASSISTANT
GRED JA29
NORULAZWAR BIN ISMAIL

PENOLONG JURUUKUR
ASSISTANT SURVEYOR
GRED JA29
SHAHRIL BIN MOHAMAD SAHAR

PENOLONG JURUUKUR BAHAN
ASSISTANT QUANTITY SURVEYOR
GRED JA29
NORAFIZA BT. NGAH

PEMBANTU OPERASI
OPERATION ASSISTANT
GRED N11
MOHAMAD NAZRI BIN SAMSI



PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N22
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (SECRETARIAL)
GRADE N22
ROSNISA BT MOHAMED ASLI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICE DIVISION
PENGURUS KHIDMAT PENGURUSAN
GRED M48
MANAGEMENT SERVICE DIVISION
GRADE M48
STIEN VAN LUTAM
UNIT HAL EHWAL KORPORAT
CORPORATE AFFAIRS UNIT
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM GRED S41
PUBLIC RELATION OFFICER GRADE S41
ANE SALFARIZAN BT MISPANI
UNIT PENTADBIRAN
ADMINISTRATION UNIT
PEGAWAI TADBIR
ADMINISTRATIVE OFFICER
GRED N41
SHELA BT. SAARI
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
ADMINISTRATIVE ASSISTANT OFFICER
GRED N27/N32
HASMALIANA BT. HASHIM
PEMBANTU TADBIR KANAN
SENIOR ADMINISTRATIVE ASSISTANT
(P/O) GRED N22
MOHD ROSNI BIN JAMAL
PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22
ZARIDAH BT. IBRAHIM
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (SECRETARIAL)
GRED N17/N22
NORMAHINAWATI BT. A. GHAFFAR
PEMANDU GRED H11
DRIVER
AZMI BIN ISMAIL
PEMANDU GRED H11
DRIVER
AB. AZIZ BIN ABDULLAH
PEMBANTU OPERASI
OPERATION ASSISTANT
GRED N11
FARIDZUL IZMAWAN BIN ALBAKHRI
UNIT KEWANGAN
FINANCE UNIT
AKAUNTAN
ACCOUNTANT
GRED W41 (KUP)
NURUSSALEHIN BIN IBRAHIM
AKAUNTAN
ACCOUNTANT
GRED W41
MUZIEANA BT MOHID@MOHAMAD
PENOLONG AKAUNTAN
ACCOUNTANT ASSISTANT
GRED W27/W32
SAIFUL AZWIR BIN ALI AKBAR
PENOLONG AKAUNTAN
ACCOUNTANT ASSISTANT
GRED W27/W32
ZAHARIAH BT MOHAMED ALWI
PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22
ROSDAN BIN AHMAD
PEMBANTU TADBIR (P/O)
ADMINISTRATIVE ASSISTANT (C/O)
GRED N17/N22
MAZIANA BT JAMALUDDIN
PEMBANTU OPERASI
OPERATION ASSISTANT
GRED N11
KOSONG
UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT
INFORMATION MANAGEMENT UNIT
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
INFORMATION TECHNOLOGY OFFICER
GRED F41
NOR ZAWANI BT AB. WAHAB
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
ASSISTANT OF INFORMATION TECHNOLOGY OFFICER
GRED F29/F32
MOHD NUR FIRDAUS BIN SAMSUDIN


Hotel Heritage
The Heritage Station Hotel

WARGA KERJA PAK
RAC EMPLOYEES

PEJABAT PENGURUS BESAR
GENERAL MANAGER'S OFFICE






01.
ZAIDUL BAKRI BIN HAJI ABDUL MUTALIB
Pengurus Besar Jusa C
General Manager Jusa C

02.
ROSNISA BINTI MOHAMED ASLI
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22
Administrative Assistant (Secretarial) Grade N22

UNIT UNDANG-UNDANG
LEGAL UNIT

UNIT HAL EHWAL KORPORAT
CORPORATE AFFAIRS UNIT






01.
NAJAH INANI BINTI ABDUL JALIL
Pegawai Undang-Undang Gred L41/L44
Legal Officer Grade L41/L44

02.
NORSAIDATUL AZRANI BINTI HAMZAH
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22 (KUP)
Administrative Assistant (P/O) Grade N17/N22 (KUP)

03.
ANE SALFARIZAN BINTI MISPANI
Pegawai Perhubungan Awam Gred S41
Public Relation Officer Grade S41

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
DIVISION OF PROPERTY MANAGEMANT






01.
HAFIZNIZAM BIN HASIN@HASHIM
Pengurus Kanan Hartanah Gred M52
Senior Property Manager Grade M52

02.
MOHD GHAZALI BIN AMAN
Pegawai Tadbir (Hartanah) Gred N41
Administrative Officer (Property) Grade N41

03.
MOHD NIZAM BIN ZAINAL
Pengurus Hartanah Gred M44
Property Manager Grade M44

04.
NORAINI BINTI SULAIMAN
Pegawai Penilaian Gred W41
Evaluation Officer Grade W41





05.
SHARIFAH SORAIYA BINTI SYED ABDULLAH
Penolong Pegawai Tadbir (Hartanah) Gred N27
Assistant Administrative Officer (Property) Grade N27

06.
MUHAMMAD AZAM BIN AZMI
Pembantu Operasi Gred N11
Operation Assistant Grade N11

07.
SYAZWANI BINTI ALIAS
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22
Administrative Assistant (C/O) Grade N17/N22

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
DIVISION OF PROPERTY DEVELOPMENT






01.
AZMEL YAMIN BIN WAHAB
Jurutera Gred J44
Engineer Grade J44

02.
TAN LAI KUM
Jurutera (Pembangunan) Gred J41
Engineer (Development) Grade J41

03.
NORIZAM BINTI ABD KADIR
Jurutera (Perancangan Teknikal) Gred J41
Engineer (Technical Planning) Grade J41





04.
NORULAZWAR BIN ISMAIL
Penolong Jurutera Gred JA29
Engineer Assistant Grade JA29

05.
NORAFIZA BINTI NGAH
Penolong Juruukur Bahan Gred JA29
Assistant Quantity Surveyor Grade JA29


06.
SHAHRIL BIN MOHAMAD SAHAR
Penolong Juruukur Gred JA29
Assistant Surveyor Grade JA29

07.
MOHAMAD NAZRI BIN SAMSI
Pembantu Operasi Gred N11
Operation Assistant Grade N11

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICE DIVISION

UNIT PENTADBIRAN
ADMINISTRATIVE UNIT





01.
STIEN VAN LUTAM
Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan Gred M48
Manager of Management Services Division Grade M48


02.
SHELA BINTI SAARI
Pegawai Tadbir Gred N41
Administrative Officer Grade N41

03.
HASMALIANA BINTI HASHIM
Penolong Pegawai Tadbir (Pentadbiran) Gred N27/N22
Administrative Assistant (Administration) Grade N27/N22

04.
NORMAHINAWATI BINTI A.GHAFFAR
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17
Administrative Assistant (Secretarial) Grade N17

05.
ZARIDAH BINTI IBRAHIM
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
Administrative Assistant (P/O) Grade N17





06.
MOHD ROSNI BIN JAMAL
Pembantu Tadbir Kanan Gred N22
Senior Administrative Assistant Grade N22


07.
FARIDZUL IZMAWAN BIN ALBAKHRI
Pembantu Operasi Gred N11
Operation Assistant Grade N11

08.
AB. AZIZ BIN ABDULLAH
Pemandu Kenderaan Gred H11
Driver Grade H11

09.
AZMI BIN ISMAIL
Pemandu Kenderaan Gred H11
Driver Grade H11

UNIT KEWANGAN & AKAUN
FINANCE & ACCOUNTS UNIT





01.
NURUSSALEHIN BIN IBRAHIM
Akauntan Gred W41 (KUP)
Accountant Grade W41 (KUP)

02.
MUZIEANA BINTI MOHID@MOHAMAD
Akauntan Gred W41
Accountant Grade W41

03.
SAIFUL AZWIR BIN ALI AKHBAR
Penolong Akauntan Gred W27/W32
Accountant Assistant Grade W27/W32





04.
ZAHARIAH BINTI MOHAMED ALWI
Penolong Akauntan Gred W27/W32
Accountant Assistant Grade W27/W32

05.
MAZIANA BINTI JAMALUDDIN
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22
Administrative Assistant (C/O) Grade N17/N22

06.
ROSDAN BIN AHMAD
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22
Administrative Assistant (C/O) Grade N17/N22

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT
INFORMATION MANAGEMENT UNIT





01.
NOR ZAWANI BINTI AB WAHAB
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41
Information Technology Officer Grade F41

02.
MOHD NUR FIRDAUS BIN SAMSUDIN
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29/F32
Assistant of Information Technology Officer Grade F29/F32

PROFIL PAK
RAC'S PROFILE

PENGENALAN
INTRODUCTION

1.1 Perbadanan Aset Keretapi (PAK) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) berkuat kuasa pada 1 Ogos 1992. PAK telah diwartakan melalui Warta Kerajaan No.16, Jilid 36 pada 30 Julai 1992 dan mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992 serentak dengan program pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM). PAK ditubuhkan hasil daripada langkah kerajaan untuk mengkorporatkan pentadbiran KTM – sebuah agensi milik kerajaan yang diwujudkan untuk membantu industri kereta api negara berkembang maju dan berdaya saing setanding dengan industri kereta api di negara-negara maju. Hasrat ini dilaksanakan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 dan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948 dengan mewujudkan tiga entiti utama, iaitu :

a) Jabatan Keretapi Malaysia
Agensi kawal selia dan keselamatan kereta api.

b) Perbadanan Aset Keretapi
Agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran aset-aset keretapi.

(c) Keretapi Tanah Melayu Berhad
Merupakan organisasi pengganti bagi menjalankan operasi keretapi.

1.2 Melalui pengkorporatan tersebut, segala harta dan aset kereta api yang dahulunya berada di bawah Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah dibubarkan, dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada PAK, manakala operasi perkhidmatan keretapi dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dengan kata lain,

1.1 The Railway Assets Corporation (RAC) is a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport of Malaysia which was established under the Railways Act 1991 (Akta 463) and commenced officially on 1st August 1992. RAC was gazetted through Government Gazette No.16, Volume 36 on 30th July 1992 and began operation officially as an organisation on 1st August 1992 concurrent with the corporatisation program of Keretapi Tanah Melayu (KTM). RAC was established resulting from the Government decision to corporatise the KTM Administration – a Government owned agency which was established to assist the national railway industry become more advanced and competitive at par with the railway industies in the developed countries. This aspiration will be achieved through the introduction of the Railways Act 1991 and the repeal of the Railway Ordinance 1948 where three (3) main entities were created, namely:

a) Malaysian Railway Department
A regulatory and security agency for railways.

b) Railway Assets Corporation
An agency responsible for the management and administration of railway assets.

c) Malayan Railway Berhad
A substitute agency for carrying out railway operations.

1.2 Through this corporatisation, all properties and assets of railways which were once under the Malayan Railway (KTM) were disbanded, and railway lands under the Federal Land Commissioner (FLC) are vested to RAC, while railway operation services are handled by the Malayan Railway Berhad (KTMB). In other words, RAC is a government agency that is created to act as a caretaker and business planner to safeguard and translate railway assets into

PAK merupakan sebuah agensi Kerajaan yang diwujudkan untuk bertindak sebagai *caretaker* dan perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan. Keputusan Kerajaan mengkorporatkan KTM menjadi KTMB adalah untuk mengurangkan kebergantungan industri kereta api negara kepada Kerajaan sepenuhnya. Program pengkorporatan KTM juga merupakan satu usaha untuk menjadikan KTM sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing serta setanding dengan penyedia perkhidmatan kereta api milik swasta yang lain di Malaysia.

1.3 Dengan terlaksananya program pengkorporatan ini, maka tugas dan tanggungjawab PAK adalah seperti yang berikut:

i. Meletakkan pengurusan aset, hak dan liabiliti Pentadbiran KTM sebelum 1 Ogos 1992 kepada PAK supaya syarikat pengganti (KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebankan.

ii. Melaksanakan tanggungjawab memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi supaya syarikat pengganti (KTMB) dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan kereta api di negara ini.

iii. Membiayai pembangunan infrastruktur kereta api yang telah dipertanggungjawabkan melalui sumber sumber yang diperoleh daripada penyewaan, pajakan dan peruntukan Kerajaan.

something valuable and able to generate continuous income to the Government. The Government's decision to corporatise KTM as KTMB is to reduce the national railway industry's total dependence on the Government. KTM's corporatisation programme is also to enable KTMB to become a competitive company at par with other private railway service providers in Malaysia.

1.3 With the implementation of this corporatisation programme, the duties and responsibilities of RAC are as follows:

i. Hand over the management of assets, rights and liabilities of Pentadbiran KTM before 1st August 1992 to RAC so that the successor company (KTMB) will be free of debts and non-operational costs which are burdensome;

ii. Carry out the responsibility to develop and redevelop railway infrastructures so that the successor company (KTMB) can give full attention towards the operation and railway services in this country; and

iii. Finance railway infrastructure development which have been entrusted through resources which are derived from rental activities, leases and Government grants.

1.4 Pada masa ini, PAK diterajui oleh tujuh (7) orang Lembaga Pengarah bukan eksekutif yang terdiri daripada wakil-wakil pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan. Pelantikan kesemua Lembaga Pengarah PAK adalah selaras dengan Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang memperuntukan kuasa Menteri Pengangkutan untuk melantik Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

i. Seorang wakil Kementerian Pengangkutan
ii. Seorang wakil Perbendaharaan
iii. Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi
iv. Ketua Pengarah Tanah dan Galian
v. Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi hendaklah menjadi anggota ex-officio; dan
vi. Tidak lebih daripada dua orang anggota lain

1.5 Menyedari hakikat bahawa tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh PAK semakin penting, jumlah perjawatan di Perbadanan ini telah ditambah daripada 16 kepada 38 orang pada tahun 2009. Langkah yang diambil ini bagi memastikan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada PAK dapat dilaksanakan dengan sempurna dan efisyen. Ringkasan mengenai perjawatan di PAK adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:-

1.4 Currently, RAC is headed by seven (7) non-executive Board of Directors comprising representatives from various ministries and government agencies. The appointment of RAC's Board of Directors is consistent with Section 89(2) Railways Act 1991 (Akta 463) whereby they are appointed by the Minister of Transport as follows:

i. A representative of the Ministry of Transport
ii. A representative of the Treasury
iii. A representative of the Economic Planning Unit
iv. Director General of Lands and Mines
v. General Manager of the Railway Assets Corporation to become an ex-officio member; and
vi. Not more than two other members

1.5 Realising the fact that the responsibilities and roles to be palyed by RAC becoming more important, the number of personnels at this Corporation was increased from 16 to 38 persons in 2009. This step is taken to ensure the duties and responsibilities which have been entrusted to RAC can be executed perfectly and efficiently. The list of posts in RAC are as in schedule 1 below:-

JAWATAN *POST*	JUMLAH (ORANG) *TOTAL (PERSON)*
Pengurus Besar Gred Jusa C (Terbuka) *General Manager Grade Jusa C (Open)*	1
Pengurus Kanan Hartanah Gred M52 (Terbuka) *Senior Properties Manager Grade M52 (Open)*	1
Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Gred M48 (Terbuka) *Administration and Finance Manager Grade M48 (Open)*	1
Pengurus Hartanah M44 (Terbuka) *Properties Manager Grade M44 (Open)*	1
Jurutera Gred J44 *Engineer Grade J44*	1
Pegawai Tadbir Gred N41 *Administrative Officer Grade N41*	2
Jurutera Gred J41 *Engineer Grade J41*	2
Pegawai Penilaian Gred W41 *Evaluation Officer Grade W41*	1
Akauntan Gred W41 *Accountant Grade W41*	1
Akauntan Gred W41 (KUP) *Accountant Grade W41 (KUP)*	1
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 *Information Technology Officer Grade F41*	1
Pegawai Perhubungan Awam Gred S41 *Public Relation Officer Grade S41*	1
Pegawai Undang-Undang Gred L41 *Legal Officer Grade L41*	1
Penolong Jurutera JA29 *Assistant Engineer Grade JA29*	1
Penolong Juruukur Gred JA29 *Assistant Engineer Grade J29*	1
Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 *Assistant Quantity Surveyor Grade JA29*	1
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 *Assistant Information Technology Officer Grade F29*	1
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 *Assistant Administrative Officer Grade N27*	2
Penolong Akauntan Gred W27 *Assistant Accountant Grade W27*	2
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22 *Asssistant Office Secretary Grade N22*	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 *Administrative Assistant (Clerical/Operations) Grade N22*	1
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17 *Assistant Office Secretary Grade N17*	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 *Administrative Assistant (Clerical/Operations) Grade N17*	5
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 (KUP) *Administrative Assistant (Clerical/Operations) Grade N17 (KUP)*	1
Pembantu Operasi Gred N11 *Operation Assistant Grade N11*	4
Pemandu Gred H11 *Driver Grade H11*	2
JUMLAH *TOTAL*	38 orang *persons*

Jadual 1: Jumlah perjawatan di PAK bagi tahun 2013
Schedule 1: Total number of posts in RAC for 2013

1.6 Organisasi di Perbadanan ini dibahagikan kepada:-

i. Bahagian Khidmat Pengurusan
   a. Unit Pentadbiran
   b. Unit Kewangan
   c. Unit Pengurusan Maklumat

ii. Bahagian Pembangunan Hartanah
iii. Bahagian Pengurusan Hartanah
iv. Pejabat Pengurus Besar
v. Unit Undang-Undang
vi. Unit Hal Ehwal Korporat

1.6 The organisation in this Corporataion is divided into:-

i. Management Services Division
   a. Administration Unit
   b. Finance Unit
   c. Information Management Unit

ii. Property Development Division
iii. Property Management Division
iv. General Manager's Office
v. Legal Unit
vi. Corporate Affairs Unit



PUNCA KUASA PAK
RAC'S JURISDICTIONS

2.1 Punca kuasa PAK seperti yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463), merangkumi bidang-bidang yang berikut:-

i. Memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Sek. 89 (1)]
ii. Keanggotaan dan fungsi [Sek. 89(2) dan 89(8)]
iii. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Sek. 90(1)]
iv. Peletakhakkan harta kepada PAK [Sek. 92(2) dan 93]
v. Segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap PAK atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Sek. 95)
vi. Pelantikan kakitangan [Sek. 96(1)]
vii. Penubuhan Kumpulan Wang PAK [Sek. 98(1) – 98 (4)]
viii. Mengurusniagakan harta tak alih (Sek. 103)

2.1 RAC's source of authority as provided in the Railways Act 1991 (Act 463), encompasses the following:-

i. Hold and control movable and immovable properties [Sec. 89 (1)]
ii. Membership and functions [Sec. 89(2) dan 89(8)]
iii. Appointment of the Chief Executive Officer [Sec. 90(1)]
iv. Vesting of properties to RAC [Sec. 92(2) dan 93]
v. All liabilities brought against the RAC or the Federal Land Commisssioner (FLC) (Sec. 95)
vi. Appointmrnt of employees [Sec. 96(1)]
vii. Establishment of RAC Fund [Sec. 98(1) – 98 (4)]
viii. Run business on immovable properties (Sec. 103)

PIAGAM PELANGGAN
CLIENT'S CHARTER

3.1 PAK sentiasa peka dengan keperluan sektor kereta api dan akan berusaha membantu Kerajaan membangunkan infrastruktur kereta api di negara ini. Untuk tujuan ini, PAK akan memastikan:

3.1 RAC is always sensitive to the needs of the railway sector and will help the Government develop railway infrastructures in the country. To this end, RAC will ensure the following:

Permohonan pajakan tanah kereta api diproses dalam tempoh 90 hari
Application for lease of railway lands will be processed within the period of 90 days.

Permohonan sewaan tanah kereta api dan tumpang lalu akan diproses dalam tempoh 60 hari
Rental application of railway lands and wayleaves will be processed within a period 60 days.

Permohonan pembangunan di atas tanah-tanah kereta api akan diproses dalam tempoh 180 hari.
Applications for developments on railway lands will be processed within a period of 180 days.

Perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur keretapi melalui tender dan sebut harga diproses dalam tempoh 180 hari.
Acquisition and disposal of railway infrastructure assets through tenders and quotations will be processed within a period of 180 days.

Rajah 1: Piagam Pelanggan PAK

Figure 1: RAC Client's Charter

DASAR KUALITI
QUALITY POLICY

4.1 PAK sentiasa beriltizam untuk melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan menerusi perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi akta serta peraturan yang ditetapkan. Pelaksanaan perkhidmatan di PAK adalah berasaskan kepada MS ISO 9001:2008 dengan menekankan kepada usaha penambahbaikan secara berterusan.

4.1 RAC is always committed to implement and provide services which fulfil the users' needs and satisfaction through quality services, adhering to the Act as well as procedures set. Service implementation in RAC is based on MS ISO 9001:2008 which emphasises on continuous improvement.

BIDANG TUGAS MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA KERETAPI 1991
AUTHORISED FUNCTIONS ACCORDING TO RAILWAYS ACT 1991

5.1 Fungsi-fungsi Perbadanan mengikut Akta Keretapi 1991 ialah:

Seksyen 89(8)

a. Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan:-

i. Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;

ii. Segala harta yang terletakhak pada, atau diperoleh oleh PesuruhjayaTanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletakhak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;

b. Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api; dan

c. Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang

5.1 The Functions of the Corporation according to the Railways Act 1991 shall be :

Section 89(8)

a. To manage, administer and maintain:-

i. All property and rights of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance which, according to the provision of Section 92, are vested in the Corporation; and

ii. All property vested in, held or acquired by The Federal Lands Commissioner under the repealed Ordinance which by virtue of Section 93 are vested on the Corporation and to manage and administer all liabilities in respect thereof.

b. To promote and undertake projects for the development or rehabiltate any infrastructure or railway facilities; and

c. To carry out and implement such other function as may be prescribed by the Minister under this Act.

ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

Seksyen 92(2)

Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletakhak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu", atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

Seksyen 93

Segala harta yang terletakhak pada, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hak milik, estet, atau kepentingan yang serupa sebagaimana ia telah terletakhak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubung dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

Section 92(2)

All property, rights and liabilities of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance shall, once this Act becomes effective, vest in the Corporation without any conveyance, assignment or transfer whatsoever and all references to "Malayan Railway Administration", "Malayan Railway", or "General Manager, Malayan Railway," in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

Section 93

All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance shall vest in the Corporation under this Act without any conveyance, assignment or transfer whatsoever for the like title, estate, or interest and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the commencement of this Act and all references to the "Federal Lands Commissioner" in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

JENIS-JENIS ASET
TYPES OF ASSETS

KATEGORI TANAH KERETAPI

- Tanah hak milik
- Tanah rizab

Keluasan kedua-dua tanah ini seluas 12,638 hektar (30,755.41 ekar)

INFRASTRUKTUR KERETAPI

- Landasan - jajaran keretapi sepanjang lebih kurang 1560 kilometer seluruh Semenanjung Malaysia (Bukit Kayu Hitam, Perlis - Johor Bahru, Johor dan Gemas, Negeri Sembilan - Tumpat, Kelantan)
- Bangunan - contohnya stesen kereta api, perumahan
- Alat-alat semboyan, komunikasi, elektrifikasi
- Terowong
- Pembentung
- Jambatan
- Grading
- Yard
- Mesin dan jentera

RAILWAY LANDS CATEGORY

- *Titled lands*
- *Reserved lands*

The total size of these types of lands is 12,638 hectraes (30,755.41 acres)

RAILWAY INFRASTRUCTURES

- *Tracks – railway alignment spanning a distance of approximately 1560 kilometers throughout the Malaysian Peninsula (Bukit Kayu Hitam, Perlis – Johor Bahru, Johor and Gemas, Negeri Sembilan – Tumpat Kelantan)*
- *Buildings – for example railway stations, quarters*
- *Equipments: signalling equipment, communications, electrical*
- *Tunnels*
- *Sewerage plants*
- *Bridges*
- *Grade-crossings*
- *Warehouses/empty spaces*
- *Machines and engines*

JENIS-JENIS TANAH KERETA API
RAILWAY LAND TYPES

TANAH POKET
POCKET LAND

- Tanah kereta api yang terpisah daripada operasi keretapi
- *Railway land that is separated from the railway operation*
- Pernah digunakan sebagai tapak kuarters atau kawasan kuari
- *Once used as quarters site or quary area*
- Jumlah keluasan 1431.84 ekar.
- *Total area: 1431.84 acres*

TANAH "SURPLUS"
SURPLUS LAND

- Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi keretapi seperti di kawasan stesen dan sekitarnya.
- *Land that is attached with the railway operational area*
- Jumlah keluasan 2791.16 ekar.
- *Total area: 2701.16 acres*

TANAH OPERASI
OPERATIONAL LAND

- Tanah yang terlibat sepenuhnya dengan operasi keretapi seperti di laluan kereta api (landasan).
- *Land that is involved in the railway operation such as the railway tracks*
- Jumlah keluasan 26532.41 ekar.
- *Total area: 26532.41 acres*

Rajah 2: Jenis-jenis Tanah Kereta api

Figure 2: Railway Land Types

LAPORAN PRESTASI BAHAGIAN
PERFORMANCE REPORTS OF DIVISIONS

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICES DIVISION

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan tulang belakang PAK dalam mengurus, mentadbir dan menyenggara sumber-sumber yang ada. Terdapat tiga unit yang diletakkan di bawah bahagian ini iaitu:

i. Unit Pentadbiran
ii. Unit Kewangan
iii. Unit Pengurusan Maklumat

Bahagian ini dipertanggungjawabkan dalam mentadbir dan mengurus sumber-sumber di PAK bagi memastikan Perbadanan ini dapat beroperasi dengan berpandukan kepada pekeliling-pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Selain itu, Bahagian Khidmat Pengurusan juga perlu memastikan modal insan yang terlatih dan berinovatif dapat dilahirkan selaras dengan peningkatan kualiti kerjaya, pembangunan ICT dan keadaan semasa. Sumber manusia yang terlatih dan mempunyai kemahiran yang pelbagai kini menjadi aset penting kepada sesebuah organisasi yang ingin berdaya maju.

8.1 Pentadbiran

Unit Pentadbiran diketuai oleh seorang Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Gred M48 (Terbuka) dengan dibantu oleh seorang Pegawai Tadbir (N41) dan Penolong Pegawai Tadbir (N27). Di bawah struktur ini, terdapat seorang Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/ Operasi) (N22), Pembantu Tadbir Pekeranian/ Operasi (N17), Pembantu Setiausaha Pejabat (N17), Pembantu Operasi (N11) dan dua orang Pemandu (H11) bagi memastikan segala urusan Pentadbiran berjalan dengan lancar. Unit ini bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal pejabat, penyenggaraan aset alih dan pengurusan stor, pengurusan kenderaan rasmi jabatan dan pengurusan sumber manusia, perjawatan serta latihan. Fungsi utama Unit Pentadbiran diringkaskan seperti dalam gambar rajah berikut:


The Management Services Division is RAC's backbone in managing, administering and maintaining the available resources. There are three (3) units placed under this division. They are:

i. Administration Unit;
ii. Finance Unit; and
iii. Information Management Unit.

This division is given the responsibility to administer and manage resources in RAC to ensure that this Corporation is able to operate efficiently guided by circulars which are still enforced. Besides that, the Management Services Division must also ensure that trained and innovative human resources can be produced relevant with the needs of career quality, ICT development and current situation. Trained human resources and equipped with multiple skills are now important assets to any organisation that wants to be viable.

8.1 Administration

The Administration Unit is headed by an Administration and Finance Manager of Grade M48 (Open) and assisted by an Administrative Officer (N41) and Assistant Administrative Officer (N27). Under this structure is a Senior Administrative Assistant (Clerical/Operations) (N22), Administrative Assistant (Clerical/ Operations) (N17), Assistant Office Secretary (N17), Assistant Operation (N11) and two (2) Driver (H11) to ensure that all administrative matters run smoothly. This unit is responsible for office administration, maintenance of movable assets and stores management, official vehicles management and management of human resources, establishment and training. The main functions of the Administration Unit are as in the following illustration:



Rajah 3: Fungsi Unit Pentadbiran

Figure 3: Functional Administrative Units

8.1.1 Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2013, PAK mempunyai 38 warga kerja yang terdiri daripada seorang Pengurus Besar (Gred Utama C) yang menerajui Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 15 pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 23 orang staf Kumpulan Sokongan I dan II. Pertambahan sebanyak 22 jawatan baharu di PAK ini diperoleh melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. K21 Tahun 2008 bertarikh 28 Julai 2008. Dengan pertambahan jawatan ini, keupayaan PAK untuk menguruskan dan membangunkan aset dan infrastruktur kereta api dapat dipertingkatkan.

8.1.1 Establishment

Until 31st December 2013, RAC had 38 employees which comprised a General Manager (Grade Utama C) who heads the Top Management Group, fifteen (15) officers from the Management and Profesional Group and twenty three (23) staffs from the Support Group I and II. These additional 22 new posts in RAC were approved through Establishment Approval Letter No. K21 2008 dated 28th July 2008 .With the increase of these posts, RAC's capability to manage and develop assets and railway infrastructures can be sginificantly improved.

8.1.2 Pembangunan Sumber Manusia

Bagi memastikan PAK terus beroperasi dengan cekap, berkesan dan berintegriti, Unit Pentadbiran akan memastikan setiap aktiviti yang melibatkan penggemblengan tenaga kerja diatur dan dirancang dengan teliti agar dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Perbadanan ini.

Sejajar dengan pertambahan bilangan sumber manusia di Perbadanan ini, PAK kini mampu melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan lebih berkesan bagi memastikan organisasi ini kekal berdaya maju seiring atau lebih baik berbanding badan berkanun yang lain. Sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai turut dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pihak berkepentingan serta para pelanggan. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui:

i. Pemberian perkhidmatan yang berorientasikan keluaran yang berkualiti, cepat dan menepati keperluan pelanggan.

ii. Pengamalan prinsip dan budaya kerja yang cemerlang serta berkualiti; dan

iii. Memastikan sistem dan prosedur kerja sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Kakitangan yang terlatih dan berkemahiran tinggi merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Justeru, unit ini telah memberi tumpuan yang serius kepada bidang latihan dan kursus. Dengan pelaksanaan aktiviti ini secara berterusan, akan berupaya melahirkan pekerja yang berinovatif dan mempunyai kemahiran serta kepakaran yang tinggi dalam

8.1.2 Human Resource Development

To ensure that RAC continues to operate efficiently, effectively and with integrity, the Administration Unit will ensure that every activity which involves an expansion of the work force will be organised and carefully planned so that it can achieve the objectives set by this Corporation.

In line with the increase in the number of human resources in this Corporation, RAC now is able to perform the duties which have been entrusted on it more effectively to ensure that this organisation remains viable at par or better than other statutory bodies. The service delivery system to the public is also upgraded from time to time to fulfil the needs and satisfaction of the stakeholders as well as clients. These responsibilities are carried out through:

i. Providing services that are output oriented, of high quality, fast and meeting clients needs.

ii. Practising principles and excellent work ethics and of high quality; and

iii. Ensuring that systems and work procedures are kept updated and improved from time to time.

Trained and highly trained staffs are assets in an organisation. As such, this Unit has given serious emphasis towards training and courses whereby carrying out such activities continuously, it would be able to provide innovative and skilled workers and highly skilled in certain fields. Besides that, as the coordinator of the Working Group for Reducing Birocratic Malpractices, the Management Unit also has the following objectives.

sesuatu bidang. Selain itu, sebagai penyelaras kepada Pasukan Petugas bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi, Unit Pentadbiran juga mempunyai matlamat seperti yang berikut:

i. Menambahbaik sistem dan prosedur kerja bagi memastikan perkhidmatan yang cepat dan cekap kepada pelanggan, pihak berkepentingan serta memastikan tidak terdapat ruang dan peluang yang membolehkan berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.

ii. Mengurusetiakan kajian dan pindaan terhadap Akta Keretapi 1991 mengikut kesesuaian semasa tanpa menjejaskan kelancaran dan keberkesanan perkhidmatannya serta mencadangkan pindaan-pindaan yang sewajarnya kepada akta dan peraturan tersebut.

iii. Mengkaji semula Piagam Pelanggan dari semasa ke semasa di samping melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan yang dijanjikan di bawah Piagam Pelanggan.

iv. Mengkaji dan menentukan bekalan peralatan yang perlu bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

8.1.3 Pengemaskinian Maklumat Staf PAK

Selain itu, unit ini turut bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat yang melibatkan perkhidmatan kakitangan di Perbadanan ini. Memandangkan pengisian jawatan bagi pegawai atasan PAK adalah secara terbuka, maka maklumat-maklumat pertukaran pegawai di PAK perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Pada masa ini, semua maklumat staf telah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat

i. Improve systems and work procedures to ensure quick and efficient services towards, clients and stakeholders as well as ensuring that there are no rooms or opportunities that allow any occurrence of malpractices, abuses of power and corruption;

ii. Act as the secretariat for the studies and amendments towards the Railway Act 1991 according to current needs without disrupting the smooth running and effectiveness of services and suggesting appropriate amendments to the Act and such procedures

iii. Revise Clients' Charter from time to time besides upgrading services to the services promised under the Clients Charter;

iv. Study and ensure the provision of appropriate tools required to upgrade the level of delivery of services to the public.

8.1.3 Updating Information of RAC Staff

Apart from this, this unit is also responsible for updating information which involves staff services in this Corporation. In view that the filling up of the top RAC posts is made openly, then the information on transfers of officers in RAC needs to be updated from time to time. Currently, all staff information have been entered into the Human Resource Management Information System (HRMIS) to facilitate staff personal data to be used for reference by the Public Service Department (PSD) starting from appointment date until retirement date. Besides that, all information regarding the movement of any staff are also recorded inside the Government Service Book that is specially provided for that purpose.

Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) bagi memudahkan data peribadi staf diselenggara dan dikemaskini serta dijadikan bahan rujukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bermula dari tarikh pelantikan sehingga tarikh persaraan. Selain itu, segala maklumat mengenai pergerakan seseorang staf turut direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan yang disediakan khas untuk tujuan tersebut.

8.1.4 Pengurusan Am Pejabat

Kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada semua jabatan dan agensi pelaksana agar dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam membangunkan negara demi memastikan keselesaan dan kesejahteraan dapat dinikmati oleh rakyat. Dalam hubungan ini, PAK juga tidak ketinggalan untuk turut serta dalam melaksanakan dasar dan rancangan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada untuk mengelakkan pembaziran dan penyalahgunaan.

Bagi merealisasikan harapan tersebut, Unit Pentadbiran sentiasa memastikan tugasan ini dilaksanakan dengan sempurna dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik melibatkan aspek-aspek yang berikut:

i. Menyediakan dan mempamerkan Visi, Misi, Objektif, Fungsi, Piagam Pelanggan dan Carta Organisasi PAK di ruang pejabat serta memastikan semua staf memahaminya.

ii. Menyediakan Pelan Strategik PAK, Pelan Strategik Sumber Manusia, Kod Etika, Petunjuk Prestasi Utama *Key Performance Indicator* (KPI), Pelan Operasi Latihan (POL) dan memastikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) setiap perjawatan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

8.1.4 General Office Management

The Government has very high hopes on all departments and implementing agencies to cooperate and share in developing the nation in ensuring that safety and wellbeing can be enjoyed by the people. In this regard, RAC is also not left behind involving in implementing policies and programmes to optimise the use of available human resources to avoid wastage and misuse.

To realise such an aspiration, the Administration Unit always ensures that this task is implemented perfectly in the best services which involves the following aspects:

i. To prepare and display Vision, Mission, Objectives, Function, Clients' Charter and RAC Organisation Chart in the office premises and ensure that all the staffs understand them

ii. To prepare RAC's Strategic Plan, Human Resource Strategic Plan, Codes of Ethics, Key Performance Indicators (KPI), Training Operation Plan (TOP) and ensure that all Desk Files and Work Procedure Manuals (WPM) of every staff are always updated from time to time;

iii. To prepare the Department's Yearly Work Targets (YWT) and ensure that every staff has individual YWT;

iv. To ensure that all staffs give priority towards the importance of abiding by the related procedures and Government Circulars in force;

v. To give priority towards the use of information and comunication technology (ICT) in office management;

iii. Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jabatan dan memastikan setiap pegawai mempunyai SKT masing-masing.

iv. Memastikan semua staf memberikan keutamaan terhadap kepentingan pematuhan kepada peraturan-peraturan berkaitan dan Pekeliling-Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa.

v. Mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengurusan pejabat.

vi. Menggalakkan hubungan yang sihat antara pegawai dengan menyediakan suasana kerja yang harmoni dan kondusif.

vii Menggunakan pendekatan psikologi dalam pengurusan sumber manusia jabatan.

viii. Mewujudkan serta mengukuhkan mekanisme kerjasama antara PAK dengan agensi-agensi lain untuk memajukan sektor kereta api negara ini masa akan datang.

8.1.5 Kursus dan Latihan

Dalam usaha melahirkan sumber manusia yang berkebolehan, berinovatif dan berdaya saing, PAK telah merangka dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sumber manusia secara teratur dan sistematik. Setiap kakitangan akan dihantar mengikuti kursus jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang bersesuaian dengan bidang kerja masing-masing serta mengikut keperluan semasa. Kursus dan latihan ini amat penting bagi membolehkan setiap kakitangan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri di samping memastikan nilai-nilai positif dapat diterapkan dan diamalkan semasa melaksanakan tugasan yang diamanahkan.

vi. To promote healthy relationships among staffs by providing a harmonious and condisive environment;

vii. To use psychological approach in managing department's human resources; and

viii. To create and strengthen cooperation mechanism beteween RAC and other agencies to improve the national railway sector in the future.

8.1.5 Courses and Training

In the effort to produce human resources that are capable, innovative and competitive, RAC has formulated and implemented various human resource development programmes in an orderly and systematic manner. Every staff will be sent to undergo relevant short term and long term courses within their scope of duties according to current needs. These courses and trainings are very important to enable every staff increase individual knowledge and skills besides ensuring positive values can be instilled and practised while carring out duties that they are entrusted with.

Sepanjang tahun 2013, PAK juga telah mengadakan taklimat/ceramah/kursus secara dalaman kepada semua pegawai/staf PAK seperti yang berikut:-

Throughout 2013, RAC had also held internal briefings/talks/courses to all RAC officers/staffs as follows:-


Jadual 2: Taklimat/ceramah/kursus yang diadakan secara dalaman kepada semua pegawai/staf PAK sepanjang tahun 2013

Schedule 2: Briefings/Talks/Courses conducted internally for all RAC officers/ staffs throughout 2013.

TAKLIMAT/ CERAMAH/ KURSUS *BRIEFING/ TALKS/ COURSES*	TARIKH *DATE*
Kursus *Training Of Trainers MyMesyuarat* *Training of Trainers on MyMeeting Course*	25 - 26 Februari *25th – 26th February*
Bengkel Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Stor (SPS) *Workshop on Training in the Use of Stores Management System (SMS)*	27 Mac *27th March*
Taklimat Kesedaran Pengurusan Harta Pusaka dan Ceramah Motivasi & Pengisian Rohani *Briefing on Awareness of Inherited Properties and Lecture on Motivation & Spiritual Fulfilment*	5 April *5th April*
Taklimat Opsyen Pencen dan KWSP oleh JPA & KWSP *Briefing on Optional Pension and EPF by PSD & EPF*	11 April *11th April*
Bengkel Semakan Klasifikasi Fail oleh Arkib Negara *Workshop on Revision of File Classification by National Archives*	14 Mei *14th May*
Bengkel KIK *KIK Workshop*	12 - 14 Jun *12th - 14th June*
Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) *Course on Quality Environment Practices (5S)*	17 - 18 Jun *17th - 18th June*
Bengkel Penstrukturan Semula Perbadanan Aset Keretapi *Workshop on Restucturing of Railway Asset Corporation*	21 - 23 Jun *21st - 23rd June*
Kursus Kad Hijau CIDB *Course on CIDB Green Card*	8 Julai *8th July*
Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik 2014 - 2018 Perbadanan Aset Keretapi *Workshop on Restucturing of Railway Asset Corporation's Strategic Plan 2014 - 2018*	13 - 15 September *13th - 15th September*
Bengkel Pengurusan Stor : Modul Pemeriksaan dan Verifikasi *Workshop on Stores' Management : Inspection and Verification Module*	25 - 26 September *25th – 26th September*
Taklimat Pengurusan Integriti *Briefing on Integrity Management*	20 November *20th November*
Kursus Keselamatan Perlindungan *Course on Protective Security*	26 November *26th November*
Kursus Perolehan Perkhidmatan Perunding *Course on Consultant Services Procurement*	23 – 24 Disember *23rd – 24th December*

Selaras dengan kehendak Kerajaan, PAK sentiasa memastikan semua pegawai dan staf supaya mencapai sasaran berkursus selama tujuh hari setahun. Carta pai berikut menunjukkan gambar rajah peratusan kehadiran pegawai/ staf ke kursus selama tujuh hari sepanjang tahun 2013.

In line with the Government policy, RAC always ensures that all officers and staffs look for courses for seven (7) days in a year.The following pie chart shows an illustration figure of percentage of attendance by officers / staffs in seven (7) day courses throughout 2013.



Carta 1: Peratusan latihan yang telah dihadiri semua pegawai/staf PAK sepanjang tahun 2013

Chart 1: Percentage of training attended by RAC all officers/ staffs throughout 2013







PENGURUSAN ICT
ICT MANAGEMENT

GOVERNMENT SHARED SERVICES
GOVERNMENT SHARED SERVICES

9.1.1 Aplikasi MyMesyuarat

Aplikasi MyMesyuarat merupakan salah satu produk *Government Shared Services* yang dibangunkan mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991: "Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerajaan" yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). MyMesyuarat merupakan sistem pengurusan keputusan mesyuarat atas talian dan tanpa kertas. Aplikasi ini dimulakan sebagai langkah penyelesaian kepada anggota *Government IT and Internet Committee* (*GITIC*) dan kini ia telah diperluaskan penggunaannya kepada seluruh agensi dalam pentadbiran Kerajaan termasuk juga PAK. Pada 26 Februari 2013, latihan penggunaan sistem MyMesyuarat telah dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Antara kelebihan aplikasi ini termasuklah penghantaran notis undangan dan peringatan mesyuarat secara automatik, menjana minit dan laporan maklum balas secara automatik, membolehkan perbincangan secara berterusan antara ahli mesyuarat dan pengerusi boleh memantau status tindakan dan mengenal pasti pelaksana yang belum mengambil tindakan.

9.1.1 MyMeeting Application

MyMeeting Application is one of the products of Government Shared Services which was developed according to Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991, The Guidelines for Conducting Meetings and Government Affairs Committees by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). MyMeeting is an online and paperless meeting decision making system. This aplication was started as a solution to members of the Government IT and Internet Committee (GITIC) and now its use has been broadened to all Government agencies including the RAC. On 26th February 2013, a user training on MyMeeting system was organised by the Information Management Division of the Ministry of Transport Malaysia.

Among the advantages of this application are that the meeting invitations and reminders are done automatically, generate minutes and feedbacks automatically, enables continuous discussions between the members of the meeting, and the chairman can monitor the actions taken and identify those who have not yet taken action.




Mesyuarat

Bil	Tajuk mesyuarat	Bil mesyuarat	Tarikh mesyuarat	Tempat	Jemputan	Minit	Laporan	Semakan	Kehadiran
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 1 Tahun 2014	14/02/2014 3:00 pm	Bilik Mesyuarat Utama Aras 7, Kementerian Pengangkutan	Dijemput	-	Lihat	Semakan	-
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 4 Tahun 2013	18/11/2013 9:00 am	Elopura 2 Room, Tingkat 13, Four Points by Sheraton, Sandakan, Sabah	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 3 Tahun 2013	10/09/2013 4:00 pm	Holiday Inn, Melaka	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 2 Tahun 2013	05/09/2013 2:30 pm	Bilik Mesyuarat Utama Aras 5, Kementerian Pengangkutan	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 1 Tahun 2013	14/03/2013 9:00 am	Bilik Mesyuarat Utama Aras 5, Kementerian Pengangkutan	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 4 Tahun 2012	23/11/2012 8:30 am	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan	Bil. 3 Tahun 2012	27/09/2012 9:00 am	Amansari Hall, Amansari Residence Resort, Masai, Johor	Dijemput	Minit	Lihat	Semakan	-

<< sebelumnya seterusnya >>

Gambar 1: Aplikasi MyMesyuarat

Picture 1: MyMeeting Application



Gambar 2: Aplikasi MyMesyuarat

Picture 2: MyMeeting Application

PEMBANGUNAN SISTEM SECARA DALAMAN *INTERNAL SYSTEM DEVELOPMENT*


9.2.1 Sistem Aduan Kerosakan

Sistem Aduan Kerosakan (e-Aduan) telah dibangunkan pada bulan Januari 2013. Sistem ini dibangunkan berasaskan intranet bagi menyokong kerja penyenggaraan bangunan oleh Unit Pentadbiran. Kemudian, skop sistem ini telah diperluaskan kepada aduan kerosakan perkakasan ICT. Sistem ini membolehkan pegawai dan staf PAK menghantar laporan kerosakan, menyemak status laporan dan menjana laporan kerosakan. Selain itu, sistem ini berupaya memantau status penyenggaraan kerosakan dan kerja-kerja pembaikan yang dibuat berdasarkan kepada laporan pengguna.

9.2.1 Breakdown Complaints System

The Breakdown Complaints System (e-Aduan) was developed in January 2013 based on the intranet to support building maintenance works by the Administration Unit. Later, the scope of this system was expanded to cover complaints on ICT breakdowns. This system enables RAC officers and staffs to relay reports on breakdowns, check reports status and generate breakdown reports. Besides, it also becomes a monitoring sytem for breakdown maintenance and repair works made status based on clients reports.





Gambar 3: Sistem Aduan Kerosakan *Picture 3: Breakdown Complaints System*


9.2.2 I-ten (Information Tenant System)

Information Tenant System (i-Ten) dibangunkan pada bulan Jun 2013 bagi menyokong Bahagian Pengurusan Hartanah menguruskan rekod penyewaan. Data penyewa yang direkod sebelum ini secara manual kini telah ditambahbaik dengan melaksanakan kemasukan data secara atas talian. Sistem ini dibangunkan bagi memastikan maklumat penyewa dapat dimasukkan dengan lengkap dan membantu dalam penjimatan masa melalui fungsi carian pantas untuk semakan. Sistem i-Ten juga membenarkan pengguna memaparkan statistik status penyewa mengikut negeri.

9.2.2 I-Ten (Tenant Information System)

Tenant Information System (i-Ten) was developed in June 2013 to support the Property Management Division in managing tenancy records. Tenants' data which were previously manually recorded have now been improved by entering data online. This system was developed to ensure that tenants' full information can be captured and help in saving time through a quick search function. I-Ten search also allows clients to display statistics of clients' status according to state.








Gambar 4: Sistem I-Ten *Picture 4: I-Ten System*

9.2.3. Sistem Pengurusan Kenderaan

Sistem Pengurusan Kenderaan ialah aplikasi menempah kenderaan pejabat secara atas talian untuk kegunaan pegawai bagi urusan rasmi. Dengan adanya sistem ini, kakitangan Perbadanan boleh menempah kenderaan, menyemak status tempahan dan menjana laporan tempahan kenderaan.

9.2.3. Vehicle Management System

Vehicle Management System is an application which allows the booking of office vehicles online for officers' official use. With this system, the staffs of this Corporation can book vehicles, check bookings status and generate reports of vehicle bookings.



Gambar 5: Sistem Pengurusan Kenderaan

Picture 5: Vehicle Management System

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA ICT (JPICT) STEERING COMMITTEE MEETING

PAK telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan Bil. 4/2013 pada 18 November 2013 di Sandakan, Sabah. Dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (Operasi) Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian, mesyuarat yang diadakan empat kali setahun itu telah dihadiri wakil-wakil daripada semua jabatan/agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Selain itu, satu lawatan telah diadakan ke Jabatan Pengangkutan Jalan (Sandakan) bertujuan memberikan pendedahan mengenai Sistem MySikap dan cara permohonan lesen kenderaan yang baharu. Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa, Encik Noor Azman Shafie.

RAC became the host of the Ministry of Transport's ICT Steering Committee Meeting No. 4/2013 on 18th November 2013 in Sandakan, Sabah. The meeting was chaired by the Deputy Secretary General of the Ministry of Transport (Operations) Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian and was held four times a year. This meeting was attended by all representatives of all departments/agencies under the purview of the Ministry of Transport. Besides that, a visit was made to the Road Transport Department (Sandakan) with the aim of exposing them to the MySikap System and procedures for new vehicles licences application. The briefing was delivered by the Assistant Enforcement Officer, Encik Noor Azman Shafie.







PERHUBUNGAN AWAM & PUBLISITI
PUBLIC RELATIONS AND PUBLICITY

PENGURUSAN ADUAN
COMPLAINTS MANAGEMENT

Pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan merupakan antara elemen penting yang menjadi penanda aras dalam usaha Perbadanan ini memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Selain menerima aduan yang disalurkan menerusi Biro Pengaduan Awam (BPA), unit ini turut menerima aduan/ cadangan melalui pelbagai saluran antaranya termasuklah laman web, e-mel, media sosial, telefon, surat atau pengadu yang datang sendiri ke Perbadanan ini. Selain itu, peti borang aduan/cadangan yang ditempatkan di sebelah kaunter pertanyaan di pejabat PAK turut menjadi medium penyaluran aduan oleh para pelanggan kepada pihak pengurusan PAK. Aduan/cadangan yang diterima semasa penganjuran Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) sama ada di bawah kelolaan Kementerian Pengangkutan atau Perbadanan ini yang diadakan di tempat-tempat awam turut disiasat dan diselesaikan.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 85 aduan telah diterima oleh Unit ini dengan 76 aduan berjaya diselesaikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Daripada jadual tersebut sejumlah sembilan aduan bukan di bawah seliaan PAK kesemua aduan ini melibatkan bidang tugas KTMB, Majlis Daerah/ Perbandaran dan Kementerian Pengangkutan Malaysia.

The management of complaints and clients feedback are among the important elements which have become the benchmark in the Corporation's efforts in providing excellent service to the public. Apart from receiving complaints which are channeled through the Public Complaints Bureau (PCB), this unit also receives complaints / suggestions through various web sites, e-mails, social media, telephones, letters or complainants who personally come to this Corporation. Besides these, the complaint/suggestion box placed beside the enquiry counter in RAC's office also becomes the medium for channeling complaints by clients to the RAC management. The complaints / suggestions received during the Meet the Clients Day Programme (CDP) conducted either by the Ministry of Transport or this Corporation held in public places are also equally investigated and settled.

Throughout 2013, a total of 85 complaints were receivd by this Unit with 76 complaints settled as shown in Schedule 3. From Schedule, 9 complaints are not under the purview of RAC where these complaints involve the scope of duties of KTMB, Local Councils/Municipalities and Ministry of Transport Malaysia.

Jadual 3: laporan aduan yang diterima dan diselesaikan bagi tempoh Januari – Disember 2013

Schedule 3: Report on Complaints Received and Settled for the January – December 2013 Period

BULAN *MONTH*	ADUAN DITERIMA *COMPLAINTS RECEIVED*	ADUAN SELESAI *COMPLAINTS SETTLED*	TIDAK BERKAITAN/ LAIN-LAIN *NOT RELATED/OTHERS*
Januari *January*	2	2	-
Februari *February*	5	5	-
Mac *March*	7	7	-
April *April*	2	2	-
Mei *May*	4	4	-
Jun *June*	8	8	-
Julai *July*	4	4	-
Ogos *August*	7	7	-
September *September*	8	6	2
Oktober *October*	10	10	2
November *November*	10	9	1
Disember *December*	16	12	4
JUMLAH *TOTAL*	**85**	**76**	**9**

Nota : Aduan berstatus Tidak Berkaitan/Lain-lain merujuk kepada aduan yang tidak berkaitan dengan PAK

Note: Complaints with the status Unrelated / Others refer to complaints not related to RAC

Pada tahun 2013, Perbadanan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 80 peratus penerimaan aduan berbanding tahun sebelumnya, iaitu hanya 18 aduan diterima. Peningkatan jumlah aduan ini disebabkan keterlibatan PAK secara langsung dalam projek-projek di bawah Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Pengangkutan Malaysia, pembinaan stesen-stesen baharu menggantikan stesen kereta api lama seperti Stesen Keretapi Bahau dan tindakan proakftif berkaitan pengurusan penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api. Terdapat juga pertanyaan dan cadangan daripada orang ramai berhubung perbezaan bidang kuasa dan fungsi antara PAK dan KTMB, permohonan penyewaan tanah dan cadangan bagi meningkatkan infrastruktur kereta api.


In 2013, this Corporation received 80 percent increase in complaints compared to the previous year which received only 18 complaints. This increase in complaints was caused by RAC's direct involvement in projects under the National Key Results Areas (NKRA) initiative of the Ministry of Transport Malaysia building new railway stations replacing old ones such as Bahau Railway Station and proactive measures regarding the renting and leasing of railway lands. There were also enquiries and suggestions from the public related to the differences in the powers and functions between RAC and KTMB, applications for land rentals and suggestions for improving railway infrastructures.

Jadual 4: Perbandingan jumlah aduan yang diterima dan status aduan bagi tahun 2012 dan 2013

Schedule 4: Comparison in the number of complaints received and their Status for 2012 and 2013

TAHUN *YEAR*	STATUS ADUAN (JUMLAH) *STATUS OF COMPLAINTS (TOTAL)*		
	TERIMA *RECEICED*	SELESAI *SETTLED*	TIDAK BERKAITAN *NOT RELATED*
2012	18	15	3
2013	85	76	9

PERBANDINGAN JUMLAH ADUAN DI ANTARA TAHUN 2012 DAN 2013
COMPARISON IN THE NUMBER OF COMPLAINTS IN 2012 AND 2013



Graf 1: Perbandingan jumlah aduan yang diselaraskan Unit HEK antara tahun 2012 dan 2013

Graph 1: Comparison in the number of complaints coordinated by the HEK Unit between 2012 and 2013

MAJLIS RASMI
OFFICIAL FUNCTIONS

10.2.1 PERDANA MENTERI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PECAH TANAH PROJEK *THE DEVELOPMENT OF ADVANCE RAILWAY ENGINEERING AND TECHNOLOGY*

Pada 9 April 2013 menyaksikan PAK telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Majlis Pecah Tanah Projek THE DEVELOPMENT OF ADVANCE RAILWAY ENGINEERING AND TECHNOLOGY di Akademi KTMB, Batu Gajah, Perak. Majlis pecah tanah ini diadakan sebagai simbolik pembinaan kilang membina, membaiki dan mengubah suai kereta api di atas tanah PAK seluas 16.5 hektar, iaitu Lot 313782, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta, Perak dan Lot 304285, Mukim Teja, Daerah Kampar, Perak.

Pembinaan kilang tersebut telah menjadikan negara ini sebagai pusat pembangunan industri lokomotif terkemuka di rantau ASEAN. Dengan pelaburan bernilai RM400 juta, kilang tersebut yang dibangunkan oleh sebuah syarikat dari China, CSR Group secara tidak lansung akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan dengan jangkaan sebanyak 800 peluang pekerjaan kemahiran dan separa kemahiran bakal diwujudkan.


Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Turut hadir dalam majlis ini ialah isteri Perdana Menteri, YBhg. Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Perak, YAB Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan isteri YBhg. Datin Seri Saripah Zulkifli, Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Kong Cho Ha, Naib Presiden CSR Corporation, Encik Xu Zong Xiang dan Setiausaha Kerajaaan Negeri Perak, YB Datuk Abdul Puhat Mat Nayan.

10.2.1 THE PRIME MINISTER OFFICIATED THE DEVELOPMENT OF ADVANCED RAILWAY ENGINEERING AND TECHNOLOGY PROJECT GROUND-BREAKING CEREMONY


On 9th April 2013, RAC was given the responsibility to organise a Ground-breaking Ceremony for THE DEVELOPMENT OF ADVANCED RAILWAY ENGINEERING AND TECHNOLOGY PROJECT at the KTMB Academy, Batu Gajah, Perak. This ground-breaking ceremony was held to symbolise the construction of a building, repairing and maintenance of locomotives factory on RAC land of 16.5 hectares i.e. Lot 313782, Mukim Sungai Terap, Kinta District, Perak and Lot 304285, Mukim Teja, Kampar District, Perak.

The construction of the factory has turned Malaysia into a renowned centre for locomotive industry development in the ASEAN region. With an investment of RM400 million, the factory that is built by a company from China, the CSR Group, indirectly will benefit local residents with an estimated 800 skilled and semiskilled job opportunities.

The ceremony was officiated by YAB. Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Also present to grace the ceremony was the Prime Minister's wife, Datin Seri Rosmah Mansor, the Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir and wife Datin Seri Saripah Zulkifli, the Minister of Transport, Datuk Seri Kong Cho Ha, Vice President of CSR Corporation, Mr. Xu Zong Xiang and the Perak State Secretary, Datuk Abdul Puhat Mat Nayan.
















UMW

10.2.2 LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pada 9 Julai 2013, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Datuk Seri Long See Wool telah melakukan lawatan kerja ke tempat yang berikut:

a. Stesen Keretapi Rembau;
b. Park n Ride Stesen Komuter Seremban; dan
c. Tapak Projek Depoh KTMB Seremban.

Lawatan ini bertujuan memantau secara bulanan bagi meninjau status pembangunan projek-projek tersebut.

10.2.2 VISIT BY THE SECRETARY GENERAL OF THE MINISTRY OF TRANPORT

On 9th July 2013, the Secretary General of the Ministry of Transport Y. Bhg. Datuk Seri Long See Wool paid a working visit to:

a. Rembau Railway Station;
b. Seremban Park n Ride Commuter Station; and
c. Seremban KTMB Depot Project Site.

The visit was a monthly monitoring event undertaken by Y.Bhg.Datuk Seri for monitoring these development projects.









HARI BERTEMU PELANGGAN
MEET THE CLIENT'S DAY

10.3.1 PAK TURUN PADANG BERTEMU PENYEWA

Perbadanan ini telah mengorak langkah baharu dalam tadbir urusnya apabila mengambil pendekatan turun padang melalui Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) PAK. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk:

i. Memudahkan urusan penyewa-penyewa aset keretapi – pengembalian surat setuju terima, menandatangani perjanjian, tatacara pengisian borang permohonan.

ii. Memudahkan penyaluran aduan atau masalah oleh orang ramai/penyewa kepada PAK.

iii. Memudahkan penyewa-penyewa untuk membayar sewa/ tunggakan.

iv. Memberi peluang kepada penyewa yang berpotensi untuk mengenali PAK dengan lebih dekat.

Program HBP PAK yang pertama telah diadakan pada 20 September 2013 bertempat di Dewan KRT Taman - Taman Perumahan Tg. Kubu, Kuala Krau, Pahang sebagai lokasi penganjuran memandangkan kawasan tersebut merupakan antara kawasan di Pahang yang mempunyai penyewa teramai. Program seumpama ini akan diadakan dua bulan sekali di beberapa lokasi terpilih.

Selain itu, program kali ini turut membawa pasukan bergerak PAK bagi menjalankan kerja-kerja mengutip hasil sewa/tunggakan, menyerahkan perjanjian dan pemantauan tanah-tanah keretapi ke kawasan yang jauh seperti di Kuala Lipis, Mengkarak, Bera, Kemayan, Temerloh dan Mentakab. Pasukan ini dianggotai wakil daripada Bahagian

10.3.1 RAC MEETING TENANTS DURING FIELD VISITS

This Corporation undertook a new approach in its management by making field visits through RAC Meet Client's Day Program (CDP). The main purposes of this programme are:

i. To facilitate railway assets tenants – returning of letters of acceptance, sign agreemnets, filling up of application forms;

ii. To facilitate complaints/ problems raised by the public/ tenants of RAC;

iii. To facilitate tenants to pay rents / rent arears

iv. To provide opportunities for potential tenants to know RAC much closer

The first RAC CD Programme was held on 20th September, 2013 at Dewan KRT Taman - Taman Perumahan Tg. Kubu, Kuala Krau, Pahang as the organising location because it is among the areas in Pahang having many tenants. Such a programme will be held for every two months in various chosen locations.

Besides this, this programme also brought a RAC mobile team for collecting rents/rent arears, surrendering agreements and monitoring railway lands to remote areas such as Kuala Lipis, Mengkarak, Bera, Kemayan, Temerloh dan Mentakab. This team was made up of representatives from the Property Management Division, Finance Unit and Leagal Unit.

The success of the first programme encouraged this Corporation to organise the programme for the second time at the Railway Taiping Station, Perak on 30th November, 2013.

Pengurusan Hartanah dan Unit Kewangan dan Unit Undang-Undang.

Kejayaan kali pertama program tersebut telah mendorong Perbadanan ini untuk menganjurkan program tersebut buat kali kedua di Stesen Keretapi Taiping, Perak pada 30 November 2013.

Program HBP PAK tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan apabila ramai penyewa dan individu yang berminat untuk menyewa tanah keretapi. Hasilnya, banyak kes penyewaan tanah yang timbul akibat proses pengambilalihan daripada KTMB dapat diselesaikan dan ini secara tidak langsung meningkatkan hasil pendapatan PAK.

Sejumlah 54 orang termasuk penyewa telah mengambil manfaat daripada program kali ini dengan beberapa isu dapat diselesaikan antaranya termasuklah isu pertindihan penyewaan, perpindahan gerai lama di hadapan Stesen Keretapi Taiping (lama), permohonan pengurangan sewa, permohonan kiosk di stesen keretapi yang baharu dan isu penyewaan kuartes.

The programme received an encouraging response when many tenants and individuals who became interested to rent railway lands came forward with respective purposes. As a result, many cases of land rentals arisinfg from the acquisition process from the KTMB could be settled and this indirectly increased RAC's income.

A total of 54 people including tenants benefitted from this second programme with some issues settled, among them sublet issue, moving out of old stalls in front of the old Taiping Railway Station, requests for rents reduction, applications for kiosks at the new railway station and the issue of quarters' rents.



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN PAK DI KUALA KRAU, PAHANG
RAC MEET THE CLIENT'S DAY PROGRAMME AT KUALA KRAU, PAHANG



Gambar 6: Sekitar Program Hari Bertemu Pelanggan PAK di Kuala Krau, Pahang
Picture 6: Activities during the RAC Meet the Client's Day at Kuala Krau, Pahang

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN PAK DI STESEN KERETA API TAIPING, PERAK
RAC MEET THE CLIENT'S DAY PROGRAMME AT THE TAIPING RAILWAY STATION, PERAK



Gambar 7: Sekitar Program Hari Bertemu Pelanggan PAK di Stesen Keretapi Taiping, Perak
Picture 7: Activities during the RAC Meet the Client's Day Programme at the Taiping Railway Station, Perak

10.3.2 HARI BERTEMU PELANGGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia merupakan aktiviti bulanan Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi membolehkan orang ramai mengenali fungsi dan peranan setiap jabatan/agensi yang bernaung di bawah kementerian ini. Selain itu, orang ramai juga boleh mengajukan pandangan dan masalah atau aduan yang dihadapi ketika berurusan dengan jabatan/agensi kerajaan terbabit secara bersemuka dengan pegawai yang terlibat. Sepanjang tahun 2013, sebanyak tujuh program HBP telah disertai dengan satu program tersebut dikelolakan oleh PAK di pusat beli-belah Kuantan Parade, Kuantan pada 21 September 2013.

10.3.2 MEET THE CLIENTS' DAY AT THE MINISTRY OF TRANSPORT

Meet the Clients' Day Programme (MCDP) at the Ministry of Transport Malaysia level is the Ministry's monthly activity to enable the public understand the functions and roles of every department/agency which operates under this ministry. Besides this, the public can also forward their views and problems/complaints faced while dealing with government departments/ agencies involved face to face with the officers concerned. Throughout 2013, seven (7) MCDPs were held with one programme hosted by the RAC at the Kuantan Parade shopping centre, Kuantan on 21th September, 2013.







Gambar 8: Sekitar Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pengangkutan yang dikelolakan oleh PAK

Picture 8: Activities during the RAC Meet the Clients Day Programme at the Ministry of Transport Hosted by the RAC

MEDIA SOSIAL
SOCIAL MEDIA

Menyedari akan peranan penting media sosial pada hari ini dalam menyebar luas maklumat kepada orang ramai, Perbadanan ini telah mewujudkan laman sosial rasmi PAK, iaitu *facebook* dan *twitter* pada 13 Mac 2013. Laman sosial yang sama turut diwujudkan untuk Pengurus Besar PAK.

Tujuan laman sosial ini diwujudkan adalah untuk:

a. Menyampaikan maklumat dan berita terkini mengenai aktiviti yang dijalankan oleh PAK.

b. Menjadikan PAK sebagai sebuah agensi Kerajaan yang pantas menyampaikan maklumat semasa.

c. Mewujudkan satu jaringan sosial yang mudah, cepat, mesra dan realistik kepada rakyat.

Facebook dan *Twitter* rasmi PAK

i. *Facebook*: perbadananasetkeretapi

Realising the important role of the social media today in disseminating information to the public, this Corporation created RAC's official websites, that is facebook and twitter, on13th March 2013. A similar website was also created for the RAC General Manager.

The purposes of creating this website are:

a. To disseminate information and current news regarding activities carried out by RAC;

b. To make RAC as a government agency that quickly disseminates current information;

c. To create a network of social media that is simple, quick, friendly and realistic to the people.

RAC's official Facebook dan Twitter

i. Facebook: perbadananasetkeretapi



ii. *Twitter*: @RailwayAssetsMy

ii. Twitter: @RailwayAssetsMy



Facebook dan *Twitter* rasmi Pengurus Besar

i. *Facebook*: zaidulbakri

General Manager's Official Facebook and Twitter

i. Facebook: zaidulbakri



ii. *Twitter*: @ZaidulBakri

ii. Twitter: @ZaidulBakri



PENERBITAN
GOVERNMENT

Pada tahun 2013, unit ini telah menerbitkan dua jilid buletin PERINTIS. Penerbitan buletin ini telah berjaya menjadi wadah maklumat kepada orang ramai khususnya semasa program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) untuk mengetahui aktiviti/program/tugas yang dilaksanakan oleh PAK. Selain untuk diedarkan semasa program HBP, PERINTIS juga turut diedarkan secara percuma kepada jabatan/agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk diletakkan di lobi dan perpustakaan mereka. Selain buletin, penerbitan Laporan Tahunan juga merupakan antara penerbitan penting yang diselaraskan unit ini.

In 2013, this unit published two volumes of PERINTIS buletin. The publication of this buletin became a successful avenue of information to the public especially during the Meet the Clients Day Programme (MCDP) to know programmes/ activities /duties carried out by RAC. Apart from distribution during the MCDP, PERINTIS was also distributed free to departments/agencies under the Ministry of Transport and non-governmental organisations (NGOs) to be placed in their lobbies and libraries. Besides the bulletin, Annual Report was also among the important publications coordinated by this unit .



Laporan Tahunan PAK 2012
Annual Report RAC 2012



PERINTIS 2013
PERINTIS 2013



PERUNDANGAN
LEGAL

Selaras dengan penubuhan Unit Undang-undang pada tahun 2010, terdapat perkembangan yang positif dari segi fungsi, tanggungjawab dan keperluan unit ini dalam organisasi PAK.

Dalam usaha Kerajaan memperkembang sektor pengangkutan kereta api dan menjadikan kemudahan perkeretapian lebih maju dan lancar, satu perjanjian pajakan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama PAK telah dimeterai pada 21 Januari 2013. Seterusnya, PAK memeterai perjanjian pajakan kecil bersama syarikat CSR Rolling Stock Center (M) Sdn. Bhd. pada 24 Mei 2013. Kedua-dua perjanjian ini adalah untuk pembinaan China Southern Rail (CSR) Rail Centre di Batu Gajah, Perak sebagai hab pengeluaran dalam industri pengangkutan rel.

Perjanjian pertukaran tanah bagi projek Pembangunan KL Eco City telah dimeterai pada 15 Mac 2013 dan melalui pemeteraian perjanjian ini, sebuah stesen keretapi yang berkonsepkan pembangunan eco akan akan dibina berintegerasi dengan Stesen LRT Abdullah Hukum.

Tahun 2013 juga merupakan tahun pertama Unit Undang-undang terlibat dalam program Hari Bertemu Pelanggan PAK. Seiring dengan aktiviti penyewaan PAK yang kian rancak dari semasa ke semasa, penglibatan unit ini dalam program tersebut bukan sahaja dilihat sebagai salah satu pendekatan terbaik dalam usaha menangani isu atau masalah yang berkaitan dengan penyewaan secara terus, malah membantu mempercepat urusan yang berkaitan dengan perjanjian penyewaan seperti pemeteraian perjanjian dan pemakluman prosedur perundangan yang berkenaan.

In line with the establishment of the Legal Unit in 2010, there was positive development from the aspect of function, responsibilities and need for this unit in the RAC.

In the government's effort to expand the railway sector and make railway services more developed and running smoothly, a lease agreemnet between the Federal Lands Commissioner (FLC) and RAC was sealed on 21st January 2013. Following that, RAC sealed a small lease agreement with CSR Rolling Stock Center (M) Sdn. Bhd. on 24th May 2013. Both of these agreements are for the construction of China Southern Rail (CSR) Rail Centre in Batu Gajah, Perak as a production hub in the rail transport industry.

An agreement on land swap for the KL Eco City Development project was sealed on 15th March 2013 by which a railway station with an eco development will be built integrated with the Abdullah Hukum LRT Station.

The year 2013 was also the first year the Legal Unit was involved in the RAC MCDP. In line with RAC activities on renting which have become more vibrant, the involvement of this unit in the programme was not only seen as the best approach in tackling issues/problems directly related but also helps to expedite efforts related to rent agreements such as the sealing of agreements and disseminating related legal prosedures.

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
PROPERTY MANAGEMENT DIVISION





Tugas dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Hartanah adalah seperti yang berikut:

i. Mengurus dan mentadbir tanah-tanah kereta api milik PAK berdasarkan Kanun Tanah Negara (1965) dan Akta Keretapi 1991.

ii. Memproses semua permohonan penyewaan, pajakan, tumpang lalu dan pengiklanan di atas tanah-tanah kereta api milik PAK.

iii. Mengkoordinasi aktiviti penguatkuasaan tanah kereta api milik PAK yang terlibat dengan pencerobohan (pendudukan tidak sah).

Sepanjang tahun 2013, tugas dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Hartanah semakin mencabar apabila Perbadanan ini mengambil alih keseluruhan tugas dan tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir tanah-tanah kereta api mengikut Akta Keretapi 1991 daripada KTMB mulai 1 Januari 2012. Tanah-tanah kereta api sememangnya telah diduduki sama ada secara sah (penyewaan) atau diceroboh sebelum penubuhan PAK pada tahun 1992 bagi pelbagai tujuan antaranya termasuklah mendirikan kediaman, permis perniagaan, gerai,

The duties and responsibilities of the Property Management Division are as follows:

i. To manage and administer RAC railway lands based on the National Land Code (1965) and the Railway Act 1991;

ii. To process all rent, lease, wayleave and advertisement applications on RAC railway lands; dan

iii. To coordinate enforcement actions on RAC railway lands that are involved in trespassing activities (illegal settlements)

Throughout 2013, the duties and responsibilities of the Property Management Division became more challenging when RAC took over all duties and responsibilities to manage and administer railway lands according to the Railway Act 1991 from KTMB on 1st January 2012. Railway lands obviously were occupied either legally (renting) or illegally before RAC's existence in 1992 for various purposes, among them building residential houses, business premises, stalls, halls, kindergartens, community centres, schools, houses of worship, livestock and permanent cultivation such as oil palm and rubber. Throughout 2013, the Property Management Division actively undertook a rehabilitation programme on any squatters that occupy owned/reserve railway lands. Commercial

dewan, tadika, pusat kegiatan masyarakat, sekolah, rumah ibadat, aktiviti ternakan dan tanaman kekal seperti kelapa sawit dan getah. Sepanjang tahun 2013, Bahagian Pengurusan Hartanah giat melaksanakan program pemutihan terhadap mana-mana setinggan yang menduduki tanah hak milik/ rizab keretapi. Setinggan komersial akan diberi kebenaran secara sah disisi undang-undang untuk menduduki tanah keretapi untuk tempoh jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, hal ini terkecuali bagi setinggan kediaman, rumah ibadat, tanaman kekal dan ternakan disebabkan perubahan kelajuan perkhidmatan keretapi daripada penggunaan diesel kepada elektrik yang boleh mengundang kemalangan.

Penubuhan unit-unit kecil yang diwujudkan secara pentadbiran, iaitu Unit Penyewaan dan Pajakan, Unit Penguatkuasaan, Unit Pentadbiran Tanah, Unit Pengiklanan dan Unit Tumpang Lalu masih dikekalkan bagi memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat diselesaikan secara cekap dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

squatters will be given legal approval to occupy railway lands for a short term. However, this condition is waived for residential squatters, houses of worship, permanent cultivation and livestock because of the high speed train services switching from using diesel to electric which can be dangerous.

The setting up of small units through administrative arrangements such as the Rental and Lease Unit, Enforcement Unit, Land Administration Unit, Advertising Unit and Wayleave Unit are still maintained to ensure that duties and responsibilities entrusted can be executed efficiently and follow the established procedures.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2013
ACTIVITIES THROUGHOUT 2013

Penyewaan dan Pajakan

Sepanjang tahun 2013, aktiviti sewaan dan pajakan kekal sebagai aktiviti utama dalam pengurusan tanah-tanah keretapi sama seperti tahun 2012. Semua permohonan penyewaan akan dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyewaan Tanah-tanah Keretapi, manakala permohonan pajakan akan diteliti dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK sebelum dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dimuktamadkan.

Rentals and Leases

Throughout 2013, renting and leasing activities remain as the main activity in the management of railway lands just as in 2012. All renting applications will be tabled to and approved by the Railway Land Rent Committee while lease applications will be scrutinised by the RAC Board of Directors Meeting before being brought up to the Cabinet Meeting for the final decision.

a. Jenis-jenis Penyewaan
i. Penyewaan Jangka Masa Pendek

a. Types of Rentals
i. Short Term Rentals

PEMOHON *APPLICANT*	Individu / Syarikat *Individual / Company*
JENIS TANAH KERETA API *TYPE OF RAILWAY LAND*	Tanah hak milik atau rizab *Titled or reserve*
TUJUAN *PURPOSE*	Aktiviti komersial *Commercial activities*
KELULUSAN *APPROVAL*	Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan *Rental Committee Meeting*
TEMPOH MASA PENYEWAAN *DURATION OF RENTAL*	Tidak melebihi tiga tahun *Not more than three years*
LOKASI PENYEWAAN *LOCATION OF RENTED PREMISES*	Lokasi penyewaan perlu berada di luar pagar keselamatan atau zon keselamatan kereta api. *Rented premises must be outside the security fences or railway security zone*
KADAR SEWA *RENTAL RATES*	Kadar sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai sewa pasaran yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). *The monthly or yearly rents are based on commercial rents value that will be determined by the Valuation and Property Services Department (JPPH).*

ii. Pajakan Jangka Masa Panjang

ii. Long Term Leases

PEMOHON *APPLICANT*	Individu / Syarikat *Individual / company*
JENIS TANAH KERETA API *TYPE OF RAILWAY LAND*	Tanah hak milik atau rizab *Titled or reserve*
TUJUAN *PURPOSE*	Pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan kereta api *Development and commercial activities related to railway*
KELULUSAN *APPROVAL*	Ahli Lembaga Pengarah PAK dan Jemaah Menteri. *RAC Board of Directors and the Cabinet*
TEMPOH MASA PENYEWAAN *DURATION OF LEASE*	Empat (4) tahun sehingga 99 tahun berdasarkan kepada keperluan pajakan. *Four (4) years until 99 years based on the need for lease.*
KADAR SEWA *LEASE RATES*	Kadar sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai sewa pasaran yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). *The monthly or yearly rents are based on commercial rents value that will be determined by the Valuation and Property Services Department (JPPH).*

b. Statistik Penyewaan dan Pajakan Tahun 2013

i. Penyewaan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 195 permohonan penyewaan telah diterima berbanding 185 permohonan pada tahun 2012. Sehingga hujung tahun 2013, sebanyak 71 permohonan telah diluluskan yang mencatatkan sedikit kenaikan berbanding 70 permohonan yang diluluskan pada tahun 2012. Sebanyak 27 permohonan telah ditangguhkan berbanding 48 permohonan pada tahun 2012 kerana masih menunggu ulasan teknikal daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan seperti KTMB dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sejumlah 97 permohonan penyewaan ditolak berbanding dengan 67 permohonan pada tahun 2012. Selain aktiviti atau tujuan yang tidak sesuai dengan keadaan dan kedudukan tapak, kebanyakan permohonan yang ditolak kerana tidak disokong oleh KTMB dan PBT atas dasar keselamatan operasi dan tujuan permohonan yang bercanggah dengan zon guna tanah atau pelan perancangan PBT kawasan berkenaan.

b. Rentals and Leases Statistics 2013


i. Rentals

Throughout 2013, a total of 195 rental applications were received compared to 185 aplications in 2012. Until the end of 2013, a total of 71 applications were approved where this amount marked a slight increase compared to 70 applications approved in 2012. A total of 27 were deferred compared to 48 applications in 2012 because of waiting for technical comments from the related Technical Departments such as KTMB dan the Local Authorities (PBT).

A total of 97 rental applications were rejected compared to 67 applications in 2012. Besides the activities purposes being unsuitable with the condition and location of sites, most applications rejected were not supported by KTMB and PBT on the issue of safety of operations and the applications purposes inconsistent with the land use zone or PBT development plans of the affected areas.

PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN PENYEWAAN YANG DILULUSKAN, DITOLAK DAN DITANGGUHKAN DI ANTARA TAHUN 2012 DAN 2013

COMPARISON IN THE TOTAL NUMBER OF APPLICATIONS FOR RENTALS APPROVED, REJECTED AND DEFERRED BETWEEN 2012 AND 2013



Permohonan *Application*	185	195
Lulus *Approved*	70	71
Tangguh *Deferred*	48	27
Tolak *Rejected*	67	97

Graf 2: Perbandingan jumlah permohonan penyewaan yang diluluskan, ditolak dan ditangguhkan antara tahun 2012 dan 2013

Graph 2: Comparison in the number of rental applications approved, rejected and deferred in 2012 dan 2013

PERMOHONAN PENYEWAAN YANG DILULUSKAN SEPANJANG TAHUN 2013

RENTAL APPLICATIONS APPROVED THROUGHOUT 2013.



Gambar 9: Permohonan penyewaan kiosk di Stesen Komuter Bangi, Daerah Hulu Langat

Picture 9: Kiosk rental applications at Bangi Commuter Station, Hulu Langat District



Gambar 10: Permohonan penyewaan tanah rizab keretapi di sebahagian Lot 55379, berhampiran Stesen Komuter Kg. Batu, Kuala Lumpur

Picture 10: Railway reserve land rental applications at Sub Lot 55379, Near Kg. Batu, Commuter Station, Kuala Lumpur

ii. Pajakan

Sepanjang tahun 2013, empat permohonan pajakan telah dikemukakan kepada PAK tetapi hanya satu permohonan pajakan yang diluluskan, iaitu Pajakan Kecil Tanah antara Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dan CSR Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. di Lot 313782, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta, Perak dan Lot 304285, Mukim Teja, Daerah Kampar, Perak. Bilangan kelulusan yang sedikit adalah disebabkan proses permohonan perlu

ii. Leases


Throughout 2013, there were (4) lease applications forwarded to the RAC but only one (1) lease application was approved, that is Sub Lease of Land between Railway Asset Corporation (RAC) and CSR Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. at Lot 313782, Mukim Sungai Terap, Kinta District, Perak and Lot 304285, Mukim Teja, Kampar District, Perak. The number of approvals is small because the application process needs to be meticulous and to be considered by the

diteliti dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK sebelum dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dimuktamadkan.

RAC Board of Directors Meeting before being forwarded to the Cabinet Meeting for the final decision.

PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN PAJAKAN DAN STATUS PERMOHONAN TERSEBUT PADA TAHUN 2012 DAN 2013

COMPARISON IN THE TOTAL NUMBER OF LEASE APPLICATIONS AND THEIR STATUS AS IN 2012 AND 2013



Graf 3: Perbandingan jumlah permohonan pajakan yang diluluskan dan yang masih dalam proses pada tahun 2012 dan 2013

Graph 3: Comparison in the number of lease applications approved and those pending approval in 2012 and 2013

iii. Tumpang Lalu

Selain penyewaan dan pajakan, PAK juga melaksanakan aktiviti tumpang lalu kepada agensi Kerajaan/swasta/syarikat atau individu yang menggunakan tanah kereta api. Tumpang lalu ialah kebenaran yang diberikan oleh PAK kepada semua agensi Kerajaan/swasta/syarikat/individu untuk menggunakan tanah kereta api sama ada secara merentasi atau sebarang penggunaan di atas tanah

iii. Wayleave

Besides rentals and leases, RAC also provides wayleave activities to Government agencies / private sector companies or individuals who use railway lands. Wayleave is an approval given by RAC to all Government agencies / private sector companies or individuals to use railway lands either by crossing or any usage on the land; such as for construction/widening of roads/highways,

sebagai contoh untuk pembinaan/ pelebaran jalan raya/lebuh raya, pembinaan jambatan, menanam atau merentang kabel utiliti dan sebagainya. Setiap kebenaran tumpang lalu akan dikenakan bayaran sekali guna sebagai ganti rugi atas kehilangan hak PAK untuk menduduki tanah yang terlibat. Bayaran perbelanjaan tahunan juga akan dikenakan kepada pengguna. Kadar bayaran kini dan perbelanjaan tahunan adalah berdasarkan kepada lokasi dan keluasan tanah.

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 59 permohonan tumpang lalu telah diterima berbanding 46 permohonan yang diterima pada tahun sebelumnya. Sehingga hujung tahun 2013, hanya 13 permohonan telah diluluskan berbanding 26 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2012. Sebanyak 35 permohonan ditangguhkan pada tahun 2013 berbanding 18 permohonan pada tahun sebelumnya kerana menunggu ulasan teknikal KTMB. Berikut jadual perbandingan status permohonan tumpang lalu pada tahun 2013 dan tahun 2012.

building bridges, erecting or laying of utility cables and so on. Every wayleave approval will be charged a one-off payment as compensation for RAC's loss of right to use that land. Yearly payments will also b charged on the clients. The rates for one-off and yearly payments are based on location and size of the land involved.

Throughout 2013, a total of 59 wayleave applications were received compared to 46 applications received in the previous year. Until the end of 2013, only 13 applications were approved compared to 26 applications approved in 2012. A total of 35 applications were deferred in 2013 compared to 18 applications in the previous year because of waiting for technical comments from KTMB. The following schedule shows the comparison on the status of wayleave applications in 2013 dan 2012.

TAHUN *YEAR*	JUMLAH PERMOHONAN *TOTAL OF APPLICATIONS*	LULUS *APPROVED*	TOLAK *REJECTED*	ULASAN *COMMENTS*	TIDAK LENGKAP *INCOMPLETE*
2013	59	13	2	35	9
2012	47	26	-	18	3

Jadual 5: Perbandingan jumlah permohonan tumpang lalu yang diluluskan, ditolak dan dalam proses ulasan pada tahun 2013 dan 2012

Schedule 5: Comparison in the number of wayleave applications approved, rejected and deferred waiting for comments in 2013 and 2012

Antara permohonan tumpang lalu yang telah diluluskan sepanjang tahun 2013 termasuklah:

i. Permohonan Tumpang Lalu bagi Menjalankan Kerja-kerja Membina Jambatan Melintasi Landasan Keretapi KM438.304 – 438.387 Nilai, Negeri Sembilan.

Tarikh Surat Tawaran: 23 September 2013

Among the wayleave applications approved throughout 2013:

i. Wayleave Application for Carrying out Works in Constructing A Bridge Crossing Railway Tracks at KM438.304 - 438.387 Nilai, Negeri Sembilan.

Date of Offer Letter: 23rd September 2013







i. Permohonan Tumpang Lalu bagi Menjalankan Kerja-kerja Melebarkan Jambatan Melintasi atas Landasan Kereta Api Cawangan Port Dickson di Kg. Bukit Chedang, Seremban. (Landasan kereta api yang tidak diguna pakai)

Tarikh Surat Tawaran: 14 Jun 2013

ii. Right of Way Application for Carrying out Works in the Widening of a Bridge Crossing Over Port Dickson Railway Tracks Branch at Kg. Bukit Chedang, Seremban. (Unused Railway Tracks)

Date of Offer Letter: 14th June 2013



iii. Permohonan Tumpang Lalu bagi Kerja-kerja Menanam Paip Gas Secara HDD di Bawah Landasan Kereta Api di KM132.00 Mata Ayer, Perlis Oleh Gas Malaysia Berhad (GMB)

Tarikh Surat Tawaran: 2 Oktober 2013

iii. Wayleave Application for Carrying Out Works in Laying Gas Pipe by HDD Technique Under a Railway Track at KM132.00 Mata Ayer, Perlis by Gas Malaysia Berhad (GMB)

Date of Offer Letter: 2nd Oktober 2013





Penguatkuasaan

Cabaran utama Unit Penguatkuasaan ialah mengeluarkan setinggan tegar yang terdiri daripada setinggan kediaman, komersial dan rumah ibadat. Unit Penguatkuasaan juga terlibat secara langsung dalam kerja awalan sebelum sesuatu projek dilaksanakan bagi mengeluarkan semua halangan yang terdiri daripada setinggan pelbagai kategori (kediaman, komersial, kediaman komersial, dewan orang ramai, rumah ibadat dan semua aktiviti pertanian yang berada di atas tanah kereta api. Pelaksanaan ini memerlukan bancian dilakukan, mengeluarkan notis, mendapatkan Notis 425 dan 426 Kanun Tanah Negara (KTN) daripada Pentadbir Tanah Daerah, mengadakan bancian bagi mengenal pasti penerima bayaran pampasan (kepada setinggan kediaman sahaja), meroboh, membersih dan seterusnya memberikan tapak kosong kepada pelaksana projek. Antara penglibatan Unit Penguatkuasaan ialah semasa Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE), SkyPark, Projek Pemasangan Pagar Keselamatan Lembah Klang (KVDT), Projek Menaik taraf Tempat Letak Kereta Bertingkat dan At-Grade di Bawah NKRA, Projek MRT dan pelebaran jalan raya/lebuh raya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pada tahun 2013, Unit Penguatkuasaan telah mewujudkan pasukan petugas khas untuk melakukan tugas-tugas bancian semua setinggan yang berada di atas tanah hak milik/rizab keretapi di sepanjang jajaran dari Tumpat, Kelantan ke Gemas Negeri Sembilan sepanjang 527.7 kilometer. Pelaksanaannya telah dimulakan pada 27 November 2013 setelah dipersetujui oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK. Bancian setinggan antara Padang Besar ke Johor Bahru telah dibuat di bawah pelaksanaan PLBE. Bancian ini dilakukan sebagai menyokong Dasar Penguatkuasaan

Enforcement

The main challenge of the Enforcement Unit is to clear out hard-core squatters which comprise residential, commercial and places of worship. The Enforcement Unit is also directly involved in preliminary tasks before any project is implemented to all hindrances comprising various categories of squatters (residential, commercial, commercial residences, community halls, places of worship (Hindu temples, suraus, Chinese temples and churches) and all agricultural activities which involve railway lands. Carrying out this task requires the conducting of census, issuing of notices, getting Notices 425 and 426 of the National Land Code (NLC) and the District Land Administrator to conduct census to identify ex-gratia recipients (to housing squatters only), tear down, clean and consequently hand over vacant sites to project developers. Among the events involving the Enforcement Unit are the launching of Electric Railway Double Tracking Project (PLBE), SkyPark, Klang Valley Security Fencing (KVDT), Multiple Carpark Upgrading Project and At-Grade Under NKRA, MRT Proejct and the widening of roads/highways by the Public Works Department (PWD).

In 2013, the Enforcement Unit created a task force to carry out census of all squatters occupying owned/reserve railway lands along the Tumpat, Kelantan to Gemas Negeri Sembilan alignment spanning a distance of 527.7 kilometers. Its implementation started on 27th November 2013 after being approved by the RAC Board of Directors Meeting. For squatter census between Padang Besar to Johor Baru, it was carried out under the PLBE. This census was conducted to support the RAC Enforcement Policy which was approved by the RAC Board of Directors Meeting in January 2012 where the construction of new houses, houses of worship (temples, suraus and

PAK yang diluluskan Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK pada bulan Januari 2012 yang memutuskan pembinaan kediaman baru, rumah ibadat (kuil, tokong, surau dan gereja), menjalankan aktiviti ternakan dan menanam tanaman kekal (kelapa sawit, getah, kelapa dan sebagainya) di atas tanah rizab kereta api (operasi tren) tidak dibenarkan.

Bagi meringankan beban tugas dan tanggungjawab di samping bidang kuasa yang terhad, Unit Penguatkuasaan sentiasa menjalinkan hubungan yang rapat dengan pihak berkepentingan iaitu Kementerian Pengangkutan serta agensi penguatkuasaan lain seperti Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), KTMB, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Verterinar dan Jabatan Bekalan Air (JBA).

churches), rearing of livestock and permanent cultivation (oil palm, rubber, coconut and the like) on railway reserve lands (train operations) were not allowed.

To lighten the burden of duties and responsibilities while having limited powers, the Enforcement Unit always established close relations with the stakeholders namely the Ministry of Transport together with other enfocement agencies such as District Land Office, Department of the Director General of Lands and Mines (JKPTG), Local Authorities (PBT), Land Public Transport Commission (SPAD), KTMB, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Veterinary Department and Water Supply Department (JBA).

PENCAPAIAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN 2013

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Lawatan Tapak Penguatkuasaan i. Lawatan menaiki troli ii. Lawatan laluan kereta menyusur jajaran keretapi iii. Lawatan Tren Tidak Ekonomi iv. Lawatan tanah berhak milik/rizab (*pocket land*)	- Kuala Lumpur ke Gemas - Gemas ke Kuala Lipis - Kempas ke Pasir Gudang - Kempas ke Tanjung Pelepas - Kuala Lumpur ke Padang Besar - Kuala Lumpur ke Padang Besar (PLBEIpoh-PB) - Seremban ke Gemas (PLBESbn-Gemas) - Gemas ke Johor Bahru (PLBEG-JB) - Kuala Lipis ke Tumpat, Kelantan - Kuala Lipis ke Wakaf Baru, Kelantan - Falim, Batu Gajah, Kempas
2.	Laporan dan Siasatan i. Aduan ii. Lawatan berjadual iii. Halangan Projek (PLBE, SkyPark, Pagar Keselamatan, NKRA)	- 118 laporan lawatan tapak.
3.	Bancian Setinggan i. PLBEG-JB (2010-2013) ii. SkyPark iii. Pagar Keselamatan iv. Tanah Hak milik	- 1,307 setinggan pelbagai - 14 setinggan komersial. - 244 setinggan pelbagai. - 352 setinggan pelbagai.
4.	Mengeluarkan Notis Pengosongan Tapak i. PLBEG-JB ii. Projek Pagar KVDT iii. Projek SkyPark	- Baki 219 setinggan dan notis peringatan akhir kerja perobohan akan dijalankan + Notis 425 & 426 KTN oleh PTD - 244 Notis Pentadbiran PAK. - 14 notis komersial/parkir
5.	Penyerahan Notis	- 476 notis telah diserahkan untuk tindakan penguatkuasaan.
6.	Tindakan Penguatkuasaan i. PLBEG-JB	- 1,118 telah mengosongkan tapak.
7.	Menyiasat Aduan	- 36 aduan pencerobohan diterima dan diambil tindakan.
8.	Mengadakan Mesyuarat Penguatkuasaan	- 2 Mesyuarat Teknikal Penguatkuasaan PAK. - 5 Mesyuarat Koordinasi Penguatkuasaan mengikut Daerah.
9	Kes Mahkamah	- Tiada.
10	Menyelaras Kuil/Surau/Gereja/Tokong – Penyewaan/Pajakan	- 55 buah Kuil. - 5 buah Tokong. - 3 buah Gereja. - 2 buah Surau.
11	Mengalihkan Kubur Islam PLBEG-JB	- 90 kubur di Kempas Kelebang, Kluang - 18 unit di Mengkibol, Kluang
12	Membersihkan Tanah Kereta api (Aduan)	- 1 Bangsar, Kuala Lumpur - 1 Jalan Templer, Petaling Jaya - 1 Bukit Tembok, Seremban

Jadual 6: Pencapaian aktiviti Unit Penguatkuasaan 2013

ENFORCEMENT ACTIVITIES CARRIED OUT IN 2013

NO	SUBJECT	ACTION
1.	*Enforcement Site Visits* *i. Visit via trolly ride* *ii. Visit by car following railway lines* *iii. Visit by riding on uneconomic trains* *iv. Visit on title/reserve land (pocket land)*	*- Kuala Lumpur to Gemas* *- Gemas to Kuala Lipis* *- Kempas to Pasir Gudang* *- Kempas to Tanjung Pelepas* *- Kuala Lumpur to Padang Besar* *- Kuala Lumpur to Padang Besar (PLBEIpoh-PB)* *- Seremban to Gemas (PLBESbn-Gemas)* *- Gemas to Johor Bahru (PLBEG-JB)* *- Kuala Lipis to Tumpat, Kelantan* *- Kuala Lipis to Wakaf Baru, Kelantan* *- Falim, Batu Gajah, Kempas*
2.	*Reports and Investigations* *i. Complaints* *ii. Scheduled visits* *iii. Project obstructions (PLBE, SkyPark, Security Fences, NKRA)*	*- 118 site visit reports*
3.	*Squatter Census* *i. PLBEG-JB (2010-2013)* *ii. SkyPark* *iii. Security Fences* *iv. Owned lands*	*- 1,307 miscellaneous illegal settlers* *- 14 commercial illegal settlers.* *- 244 miscellaneous illegal settlers.* *- 352 miscellaneous illegal settlers.*
4.	*Issuing Notices to Vacate Sites* *i. PLBEG-JB* *ii. Fencing Project KVDT* *iii. SkyPark Project*	*- Balance of 219 squatters and final reminder notice before demolition works will commence + Notis 425 & 426 KTN by PTD* *- 244 RAC Administrative notices.* *- 14 comercial/parking/notices*
5.	*Issuance of Notices*	*- 476 notices issued for enforcement action.*
6.	*Enforcement Action* *i. PLBEG-JB*	*- 1,118 sites vacated.*
7.	*Investigating Complaints*	*- 36 trespassing complaints recived and taken action*
8.	*Conducting Enforcement Meetings*	*- 2 RAC Enforcement Technical Meeting.* *- 5 Enforcement Coordination Meeting according to districts*
9	*Court Cases*	*- None*
10	*Coordinating Rents/ Leases of Lands for Hindu Temple /Surau/Church/Chinese Temple –*	*- 55 Hindu Temples .* *- 5 Chinese Temples* *- 3 Churches.* *- 2 Suraus.*
11	*Relocating Muslim Graves PLBEG-JB*	*- 90 graves in Kempas Kelebang, Kluang* *- 18 units in Mengkibol, Kluang*
12	*Clearing Railway Lands (Complaints)*	*- 1 Bangsar, Kuala Lumpur* *- 1 Jalan Templer, Petaling Jaya* *- 1 Bukit Tembok, Seremban*


Schedule 6: Activities achievement of the Enforcement Unit in 2013

STATISTIK PENGUATKUASAAN *ENFORCEMENT STATISTICS*

JENIS SETINGGAN *TYPE OF SQUATTERS*	DAERAH *DISTRICT*				
	SEGAMAT	KLUANG	KULAI JAYA	JOHOR BAHRU	JUMLAH *TOTAL*
KATEGORI : KEDIAMAN *CATEGORY : RESIDENTIAL*					
Jumlah Keseluruhan *Overall Total*	97	347	288	25	757
Roboh/Keluar *Demolish/Vacate*	97	322	285	25	729
Baki Setinggan *Residual Squatters*	0	25	3	0	28

Jadual 7: Jumlah setinggan kediaman yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas ke Johor Bahru (PLBEG-JB)

Schedule 7: Total number of squatter houses involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)



Graf 4: Jumlah setinggan kediaman yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas ke Johor Bahru (PLBEG-JB)

Graph 4: Total number of squatter houses involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)


Jadual dan graf di atas menunjukkan jumlah setinggan kediaman yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas ke Johor Bahru (PLBEG-JB). Kerja-kerja memindahkan setinggan tersebut telah bermula pada bulan Januari 2012. Sebanyak 757 setinggan kediaman telah dikenalpasti semasa proses bancian dibuat di empat daerah di Johor, iaitu Segamat, Kluang, Kulai Jaya dan Johor Bahru. Sebanyak 729 setinggan kediaman telah dipindahkan bagi memberi peluang kepada pelaksanaan projek tersebut. Baki sebanyak 28 setinggan masing-masing 25 setinggan di daerah Kluang dan tiga setinggan di daerah Kulai Jaya masih belum berbuat demikian kerana tindakan mereka kembali menduduki kediaman yang telah disahkan kosong (ketika proses bancian dibuat) dan menuntut bayaran pampasan. Bagi setinggan kediaman di daerah Kluang pula terdapat tuntutan daripada segelintir penghuni tersebut untuk menjadikan tanah rizab kereta api sebagai kampung walaupun telah diberikan notis. Kesemua baki setinggan ini akan dikeluarkan pada tahun 2014.

The above schedule and graph show the number of squatter houses involved in the Gemas to Johor Baru Electric Double-Tracking Project (PLBEG-JB). Relocation works for the squatters began in January 2012. A total of 757 residential squatters were identified during the census exercise in four districts in Johor, that is Segamat, Kluang, Kulai Jaya and Johor Bahru. A total of 729 residential squatters were relocated to allow the project to be implemnted. The remainder of 28 squatters where 25 squatters in Kluang District and 3 squatters in Kulai Jaya District have not vacated because they have returned to the premises that have veen vacated and confirmed vacant (when the census was conducted) and demanded ex-gratia payments. As for residential squatters in the Kluang District, there were demands from a small number of residents to turn the railway reserve lands into villages even though they were given notices. All these residual squatters will be evicted in 2014.

JENIS SETINGGAN *TYPE OF SQUATTERS*	DAERAH *DISTRICT*				
	SEGAMAT	KLUANG	KULAIJAYA	JOHOR BAHRU	JUMLAH *TOTAL*
KOMERSIAL *COMMERCIAL*					
Jumlah Keseluruhan *Overall Total*	46	190	32	5	273
Roboh/Keluar *Demolish/Vacate*	46	153	20	4	223
Baki Setinggan *Residual Squatters*	0	37	12	1	50

Jadual 8: Jumlah setinggan komersial yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas ke Johor Baharu (PLBEG-JB)

Schedule 8: Total number of commercial squatters involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)



Graf 5: Jumlah setinggan komersial yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas Ke Johor Baharu (PLBEG-JB)

Graph 5: The number of commercial squatters involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)

Bagi setinggan kategori komersial, dasar Kerajaan telah menetapkan tiada sebarang bayaran pampasan diberikan. Jadual di atas menunjukkan sebanyak 223 setinggan komersial daripada 273 setinggan komersial yang dikenalpasti menduduki tanah kereta api di empat daerah, iaitu Segamat, Kluang, Kulai Jaya dan Johor Bahru telah dipindahkan bagi melaksanakan projek tersebut. Baki sebanyak 50 setinggan masing-masing di 37 setinggan, di daerah Kluang, 12 setinggan di daerah Kulai Jaya dan satu setinggan di Johor Bahru enggan keluar atas alasan tidak diberikan pampasan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil setelah Pejabat Pentadbir Tanah Daerah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 426 A Kanun Tanah Negara 1965. Tindakan tersebut akan dilaksanakan pada 2014

For the commercial category squatters, the Government has set a policy where no ex-gratia payments will be paid. The above schedule shows 223 commercial squatters out of 273 commercial squatters that were identified occupying railway lands in four districts, that is Segamat, Kluang, Kulai Jaya and Johor Bahru were relocated to give way for the implementation of the project. The balance of 50 squatters, respectively 37 squatters in Kluang District, 12 squatters in Kulai Jaya District and 1 squatter in Johor Bahru refused to vacate because they were not given compensations. Enforcement action will be taken after the District Land Administrator Office issues notices under Section 426 A National Land Code 1965. This action will be taken in 2014 except for the commercial squatters who are proposed


kecuali kepada setinggan komersial yang dicadangkan dipindahkan ke kawasan premis perniagaan baharu oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

to be relocated to new premises by the Local Authorities.

JENIS SETINGGAN *TYPE OF SQUATTERS*	DAERAH *DISTRICT*				
	SEGAMAT	KLUANG	KULAIJAYA	JOHOR BAHRU	JUMLAH *TOTAL*
SURAU *SURAU*	0	1	1	0	2
KUIL *HINDU TEMPLE*	9	21	7	5	42
TOKONG *CHINESE TEMPLE*	0	0	2	0	2
JUMLAH *TOTAL*	**9**	**22**	**10**	**5**	**46**

Jadual 9: Jumlah setinggan rumah ibadat yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas Ke Johor Bahru (PLBEG-JB)

Schedule 9: The number of houses of worship squatters involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)



Graf 6: Jumlah setinggan rumah ibadat yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Gemas Ke Johor Bahru (PLBEG-JB)

Graph 6: The number of houses of worship squatters involved in the Gemas to Johor Bahru Electric Double - Tracking Project (PLBEG-JB)


Kewujudan setinggan kategori rumah ibadat telah lama berlaku di atas tanah rizab dan tanah hak milik kereta api dan perkara ini menjadi isu sensitif yang perlu ditangani secara berhemah. Bagi menggelakkan pelbagai isu berbangkit, pihak rumah ibadat telah diminta meroboh dan memindahkan sendiri rumah ibadat masing-masing ke tapak baharu. Dasar Kerajaan juga telah menetapkan bahawa tiada sebarang bayaran pampasan diberikan kepada setinggan kategori rumah ibadat.

The existence of the houses of worship squatter category occurred for a long time on railway owned and reserve lands and this has become a sensitive issue which needs to be handled with care. To avoid many issues from arising, houses of worship (suraus, Hindu temples, Chinese temples and churches) were asked to demolish and relocate by the followers themselves to new sites. Government policy also had set that no ex-gratia payments will be paid to houses of worship.

LOKASI *LOCATION*	KEDIAMAN *RESIDENTIAL*	KOMERSIAL *COMMERCIAL*	RUMAH IBADAT *HOUSES OF WORSHIP*	LAIN-LAIN *OTHERS*	JUMLAH *TOTAL*
SEGAMBUT - KEPONG	83	11	4	77	175
PANTAI DALAM - PETALING	0	0	0	3	3
SEPUTIH - SALAK SELATAN	3	2	0	0	5
SERDANG - KAJANG	0	2	0	18	20
BANGI LAMA - SEREMBAN	17	17	1	0	35
SUBANG JAYA - SERI SUBANG	0	11	2	0	13

Jadual 10: Jumlah setinggan yang terlibat dalam Projek Pemasangan Pagar Keselamatan Keretapi pada tahun 2013

Schedule 10: The total number of squatters involved in Railway Security Fencing Project in 2013



Graf 7: Jumlah setinggan yang terlibat dalam Projek Pemasangan Pagar Keselamatan Kereta api pada tahun 2013

Di bawah projek NKRA, PAK telah melaksanakan projek pemasangan pagar keselamatan di antara Seremban, Negeri Sembilan ke Tanjung Malim, Perak dan di antara Stesen Keretapi Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Pelabuhan Klang dengan peruntukan sebanyak RM22.3 juta. Pemasangan pagar keselamatan ini adalah untuk memastikan penduduk yang tinggal di sepanjang landasan kereta api tidak melakukan aktiviti pencerobohan, di samping bagi menghalang haiwan ternakan memasuki kawasan operasi tren yang akan membahayakan tren dan juga penumpang. Oleh itu, satu bancian telah dibuat bagi mendapatkan maklumat dan mengenal pasti

Graph 7: The total number of squatters involved in Railway Security Fencing Project in 2013


Under the NKRA project, RAC implemented the security fences projects between Seremban, Negeri Sembilan to Tanjung Malim, Perak and between Kuala Lumpur Railway Station to Port Klang Railway Station with a budget of RM22.3 million. The construction of this security fence is to ensure that the residents along the railway tracks do not involve in trespassing activities apart from preventing livestocks entering the train operation areas whereby it will endanger the trains and also passengers. As such, a census was conducted, to get the information to identify permises which need to be constructed inside the security fences .

permis yang didirikan di dalam kawasan pagar keselamatan.

BIL *NO*	LOKASI *LOCATION*	KEDIAMAN *RESIDENTIAL*	KOMERSIAL *COMMERCIAL*	RUMAH IBADAT *HOUSES OF WORSHIP*	LAIN-LAIN *OTHERS*	JUMLAH *TOTAL*
1	BUTTERWORTH, PULAU PINANG	281	7	2	2	292
2	FALIM, IPOH, PERAK	33	0	7	10	50
3	LAHAD, PERAK	3	0	7	0	10
4	BATU GAJAH, PERAK	4	1	7	0	12

Jadual 11: Jumlah bancian setinggan di atas tanah rizab/hak milik kereta api pada bulan Disember 2013

Schedule 11: Total number of squatters census on railway titled/reserved lands in December 2013



Graf 8: Jumlah bancian setinggan di atas tanah rizab/hak milik kereta api pada bulan Disember 2013

Graph 8: Total number of squatter census on titled/reserved railway lands in Disember 2013

Mesyuarat Lembaga Pangarah PAK kali ke-59 pada 11 November 2013 telah bersetuju agar bancian setinggan yang menduduki tanah rizab dan hak milik kereta api dibuat. Pada tahun 2013, bancian setinggan telah dijalankan di beberapa tanah hak milik dan rizab yang jauh dari landasan bagi tujuan pengumpulan data bagi dua buah negeri, iaitu Pulau Pinang dan Perak.

The 59th RAC Board of Directors Meeting on 11th November 2013 decided that squatter census occupying railway title and reserve lands be carried out. In 2013, squatter census was conducted on title and reserve lands (pocket land) away from the tracks for the states of Penang and Perak for data collection

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

ENFORCEMENT ACTION



Gambar 14: Kerja-kerja perobohan setinggan komersial di daerah Kluang, Johor

Picture14: Demolition work on commercial squatters in Kluang District, Johor



Gambar 15: Bancian setinggan Projek Pagar Keselamatan Segambut Ke Kepong

Picture 15: Sqautter census for Security Fencing Project from Segambut to Kepong



Gambar 16 Kerja-kerja bancian Projek Pagar Keselamatan Segambut ke Kepong sedang dijalankan

Picture 16: Census work for Security Fencing Project from Segambut to Kepong in progress.



Gambar 17: Penyerahan bayaran pampasan kepada kediaman setinggan di Daerah Kluang oleh Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah Kluang di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru

Picture 17: Issuing of ex-gratia payments to residential squatters in Kluang District by Kluang Land and District Administrator under the Electric Double-Tracking Project from Gemas to Johor Bahru.



Gambar 18: Mengalihkan halangan untuk Projek Pembesaran Jalan Pelabuhan Klang oleh Jabatan Kerja Raya melibatkan tanah kereta api

Picture 18: Removing obstacles for the Klang Port Road Widening Project by the Public Works Department involving railway lands



Gambar 19: Cadangan pengosongan tapak yang terlibat dalam Projek Pembesaran Jalan Pelabuhan Klang

Picture 19: Proposal to vacate site involved in widening of Jalan Pelabuhan Klang project



Gambar 20: Aduan penduduk tanah kereta api yang dipenuhi semak

Picture 20: Residents complaint of railways lands that covered with overgrowth



Gambar 21: Kediaman setinggan daerah Kulai Jaya – Notis Akhir Perobohan

Picture 21: Residential squatters in Kulai Jaya District - Final Notice for Demolition

PEMBANGUNAN ASET-ASET KERETAPI
DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS

Pada tahun 2013, pelaksanakan pengurusan aset-aset keretapi dalam mengusahakan pemajuan atau pemajuan semula infrastruktur atau kemudahan kereta api seperti yang termaktub di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463), Klausa 89(8)(b) giat dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Hartanah.

In 2013, the implementation of railway assets management in developing or rehabilitating railway infrastructures or facilities as stipulated under the Railway Act 1991 (Akta 463), Clause 89(8)(b) are actively pursued by the Property Development Division.

AKTIVITI BAGI TAHUN 2013 *ACTIVITIES IN 2013*

Perancangan Projek Pembangunan di Atas Tanah PAK

Terdapat beberapa projek pembangunan di atas tanah kereta api telah dikaji daripada aspek teknikal, daya maju cadangan pembangunan dan analisis kewangan sebelum sesuatu projek pembangunan itu dapat dilaksanakan. Pertimbangan yang diambil kira dalam projek pembangunan meliputi perancangan zon kegunaan tanah, impak kepada industri perkhidmatan kereta api, sosial masyarakat dan alam sekitar. Hasil kajian yang positif akan diangkat untuk kelulusan pelaksanaan.

Perancangan projek pembangunan harus berdasarkan pulangan pelaburan yang menguntungkan kepada PAK seperti yang berikut :

i. Pulangan secara tunai
ii. Pulangan secara "In Kind"
iii. Pulangan secara tunai dan "In Kind"
iv. "Bina, Operasi dan Pindah" melalui Perjanjian Konsesi

Projek-projek Kereta Api

Peningkatan kemudahan pengangkutan awam yang melibatkan sektor rel (kereta api) sedang giat dilaksanakan seperti yang berikut:

Planning of Development Projects on RAC Land

There are a few development projects on railway lands being studied from technical aspects, viability of development proposal and financial analysis before any development project can be implemented. Things to be considered in development projects includes land use zone, its impact to the railway industry, social and the environmental aspects. Positive results of the study will be submitted for implementation approval.

Planning of development projects should be based on its positive returns on investment to RAC as follows :

i. Cash returns
ii. Returns in kind
iii. Returns in cash and in kind
iv. "Build, Operate and Transfer" through concession agreements

Railway Projects

Increasing public transport facilities which involve the rail sector (trains) are being actively implemented as follows:

i. Ipoh-Padang Besar Electric Double-Tracking Project

i. Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar
ii. Projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban - Gemas
iii. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru
iv. Projek pengukuhan landasan kereta api
v. Projek pengukuhan jambatan kereta api
vi. Projek membina dan menaik taraf Stesen Keretapi Bahau
vii. Projek *National Key Result Area* (NKRA) di bawah Pelan Tranformasi Nasional (GTP) peringkat kedua, iaitu membina dan menaiktaraf kawasan letak dan naik di stesen komuter sekitar Lembah Kelang

Cadangan-cadangan Pembangunan Tanah PAK oleh Syarikat Swasta/Agensi atau Jabatan Kerajaan dan Kajian Pembangunan oleh PAK

PAK telah menerima pelbagai cadangan pembangunan di atas tanah rizab kereta api dan hak milik daripada Jabatan dan agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat swasta. Pada peringkat awal, cadangan-cadangan pembangunan tersebut akan dikaji oleh PAK. Cadangan-cadangan tersebut kemudiannya diperhalusi bersama-sama dengan MOT, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), KTMB dan jabatan serta agensi Kerajaan lain yang berkaitan. PAK juga terlibat dalam memberi ulasan terhadap cadangan pembangunan tanah bersebelahan. Berikut ialah status pelaksanaan dan pemprosesan cadangan pembangunan berserta dengan data statistik:

ii. Seremban-Gemas Electric Double-Tracking Project
iii. Gemas – Johor Bahru Electric Double-Tracking Project
iv. Railway Tracks Strengthening Project
v. Railway Bridges Strengthening Project
vi. Rebuilding and Upgrading of Bahau Railway Station
vii. National Key Result Area (NKRA) Projects under Pelan National Tranformation Plan (NTP) Phase (2) that is building and upgrade Park n Ride facilities at commuter stations in the Klang Valley

Proposals for the development of RAC Lands by Private Companies/Government Agencies/Departments and Development Studies by RAC

RAC received various development proposals on railway reserves and owned lands from Government Departments and Agencies as well as private companies. At the beginning, the proposal will be reviewed by RAC. The proposals later will be studied closely together by the MOT, Public Private Cooperation Unit (UKAS), SPAD, KTMB and other related Government departments and agencies. RAC is also involved in giving comments towards land developmnt proposals nearby. The following are the status of implementation and processing of development proposals together with statistical data:

i. Peringkat Pelaksanaan Projek: *i. Project Implementation Stage:*

BIL *NO*	PROJEK *PROJECT*	PULANGAN *RETURNS*	KEMAJUAN FIZIKAL *PHYSICAL PROGRESS*
1	Cadangan Tambahan dan Pengubahsuaian Pada LRT Stesen Abdullah Hukum Sedia ada dan Cadangan Pembangunan Sebuah Stesen KTM Komuter 3 Tingkat di Atas Sebahagian Tanah Rizab Keretapi Diintegrasikan Dengan LRT Stesen Abdullah Hukum Sedia ada, Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Additional Proposal and Modification on Existing Abdullah Hukum LRT Station and Propsed Development of a 3 Storey KTM Commuter Station on Partial Railway Reserve Land Integratead with the Existing Abdullah Hukum LRT Station, Bangsar, Federal Territory of Kuala Lumpur.*	- Stesen KTM Komuter Baru. *- Building New KTM Commuter Station.* - Pemberimilikan ruang pejabat 12,090 kaki persegi. *- Issuing of 12,090 square feet office space.*	6.86%
2	Pajakan 60 Tahun Di Atas Tanah Rizab Keretapi Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Bagi Tujuan Pembangunan Komersil Dan Kemudahan Tempat Letak Kereta. *A 60 Year Lease on Railway Reserve Land at Lot 853, Mukim Kajang, Hulu Langat District, Selangor Darul Ehsan For Commercial Development and Car Parking Facilities*	- Pembinaan Stesen KTM Komuter Baru. *- Construction of a New KTM Commuter Station* - Pemberian hasil pulangan tunai setiap tahun. *- Cash yearly Returns*	Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang *Stage of Applying for Planning Approval*

ii. Peringkat Mendapatkan Kelulusan Muktamad: *ii. Getting the Final Approval Stage:*


BIL *NO*	PROJEK *PROJECT*
1	Cadangan Pembangunan Bercampur di atas Lot 20924 dan Lot 20935 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor. *A Proposal for Mixed Development on Lot 20924 and Lot 20935 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor.*
2	Cadangan Penswastaan Pembangunan Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi PT25 dan PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur. *A Proposal to Privatise Development on Railway Asset Corporation Land PT25 dan PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.*
3	Cadangan Pembangunan Seremban Sentral yang merangkumi hub pengangkutan awam, perumahan PR1MA dan komersial di atas sebahagian tanah rizab keretapi, Bandar Seremban, Negeri Sembilan. *A Proposal to Develop Seremban Sentral Comprising Public Transport Hub, PR1MA Housing and Commercial Complex on Partial Railway Land, Seremban, Negeri Sembilan.*

iii. Peringkat kajian / rundingan / memuktamadkan perincian projek sebelum diangkat untuk pertimbangan:

iii. Project under study/negotiation/finalising details before submission for consideration:

Graf 9: Perbandingan permohonan pembangunan tanah - tanah PAK bagi tahun 2012 dan 2011 (masih dalam pemprosesan)

Graph 9: Comparison in the number of RAC land development applications for 2012 and 2011 (still in the processing stage)



Graf 9: menunjukkan perbandingan permohonan pembangunan tanah-tanah PAK yang diterima pada tahun 2011 dan tahun 2012 daripada syarikat-syarikat swasta. Permohonan-permohonan tersebut kini masih di peringkat kajian, rundingan, penyelarasan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk memuktamadkan perincian projek sebelum diangkat untuk pertimbangan pihak pengurusan. Permohonan-permohonan tersebut melibatkan pembangunan di Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bahru, Negeri Sembilan, Perak dan Kelantan manakala petunjuk "lain-lain" bermaksud pembangunan yang merangkumi lebih daripada satu negeri dalam satu permohonan.

Graph 9: shows the comparison in RAC land development received in 2011 dan 2012 from privte sector companies. These applications are still at the study stage, negotiation, coordination with the relevant Government agencies including finalising project details before submission for consideration of the management. These applications involve developments in Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bharu, Negeri Sembilan, Perak dan Kelantan while 'other' indicator mean development which includes more than one state in one application.

Secara keseluruhannya, sebanyak 11 permohonan pembangunan tanah direkodkan pada tahun 2011, manakala pada tahun 2012 PAK telah memproses sebanyak 15 permohonan baharu yang mencatatkan peningkatan sebanyak 36.4 % berbanding tahun 2011. Pada tahun 2011, bilangan permohonan pembangunan di Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak enam permohonan manakala pada tahun 2012, negeri Perak mencatat bilangan permohonan pembangunan tertinggi, iaitu sebanyak lima permohonan. Namun begitu, tanah-tanah PAK di negeri-negeri lain seperti Johor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Selangor turut menjadi tarikan pelaburan pembangunan hartanah oleh pihak swasta.


iv. Peringkat Pemprosesan Awalan (Permohonan 2013)

Overall eleven (11) land deveolpment applications were recorded in 2011 while in 2012 RAC processed 15 new aplications which recorded a 36.4 % increase compared to 2011. In 2011, the number of development applications in Kuala Lumpur recorded the highest that is six applications while in 2012, Perak recorded the highest developmet application, that is five applications. Even so, RAC lands in the other states such as Johor, Kelantan, Negeri Sembilan and Selangor also become property development attractions to the private sector.

iv. Intial Processing Stage (2013 Applications)

Graf 10: Permohonan pembangunan tanah PAK pada tahun 2013

Graph 10: Applications for RAC land development for 2013



KL - Kuala Lumpur Sel - Selangor J - Johor N9 - Negeri Sembilan

Merujuk kepada Graf 10, pada tahun 2013 sejumlah 13 permohonan daripada pihak swasta telah dikemukakan kepada PAK. Kuala Lumpur mencatatkan rekod permohonan pembangunan tanah tertinggi, iaitu enam permohonan berbanding Selangor (tiga permohonan), Johor Bahru (dua permohonan), Negeri Sembilan (satu permohonan) dan Perak (satu permohonan). Ini disebabkan lokasi tanah yang strategik dan dilengkapi kemudahan kereta api dan jalan akses yang baik. Sehubungan itu, kebanyakan permohonan pembangunan hartanah yang diterima oleh PAK akan menekankan pembangunan berkonsepkan *Transit Oriented Development*.

v. Kajian pembangunan tanah yang berpotensi oleh PAK melibatkan tanah:

   a. Lot 1295 (Parcel A, B, C), Kepong, Mukim Batu, Kuala Lumpur.
   b. Lot 5 dan Lot 940, Seksyen 88, Kuala Lumpur.

vi. Memproses permohonan pembangunan tanah bersebelahan tanah PAK:


With reference to Graph 10, in 2013 a total of 13 applications from the private sector were submitted to RAC. Kuala Lumpur recorded the highest number of applications for land development that is six applications compared to Selangor (three applications), Johor Bharu (two applications), Negeri Sembilan (one application) dan Perak (one application). This is due to the strategic land locations and supported by good railway facilities as well as good access roads. As such, most property development applications received by RAC will emphasise development with "Transit Oriented Development" concept.

v. Potential land development studies (pilot studies) by RAC involve these lands:

   a. Lot 1295 (Parcel A, B, C), Kepong, Mukim Batu, Kuala Lumpur.
   b. Lot 5 and Lot 940, Seksyen 88, Kuala Lumpur.

vi. Processing land development applications located nearby RAC lands:

Graf 11: Permohonan pembangunan tanah bersebelahan (tahun 2013)
Graph 11: Applications for adjacent land development (2013)



Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memaklumkan dan memohon ulasan daripada PAK bagi cadangan-cadangan pembangunan tanah yang terletak bersebelahan dengan tanah rizab keretapi ataupun tanah hak milik PAK. Sehingga tahun 2013, sebanyak enam permohonan telah dikemukakan oleh PBT kepada PAK merangkumi empat buah negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Pahang seperti yang ditunjukkan dalam Graf 11. Permohonan ulasan oleh PBT di negeri Pulau Pinang mencatatkan rekod tertinggi iaitu tiga permohonan berbanding Selangor, Johor dan Pahang masing-masing direkodkan satu permohonan sahaja.

Projek Pembinaan "Park N Ride" dibawah Inisiatif "*National Key Result Area*" (NKRA) Di Bawah Program Tranformasi Nasional (GTP1.0) Peringkat Kementerian Pengangkutan.

Terdapat beberapa stesen komuter telah membina tempat letak kereta secara bertingkat dan *at-grade* di sekitar Lembah Klang bagi memberikan kemudahan kepada pengguna komuter. Lihat jadual 13.

Local Authorities (PBT) will inform and request for comments from RAC involving land development proposals that are close to railway reserve lands or lands owned by RAC. Until 2013, a total of six applications submitted by the PBT to RAC includes four states, that is, Penang, Selangor, Johor and Pahang as shown in Graph 11. Requests for PBT comments in Penang recorded the highest number, that is, three requests compared to Selangor, Johor and Pahang with one each respectively.

"Park N Ride" development project under the "National Key Result Area" (NKRA) Initiative under the National Tranformation Programme (GTP1.0) of the Ministry of Transport.

There are several commuter stations where multi-storey car parks are implemented at-grade in the Klang Valley to facilitate commuter users as in the following schedule:

STESEN KOMUTER *COMMUTER STATION*	SKOP PROJEK *SCOPE OF PROJECT*
Serdang	Penyediaan petak letak kereta sebanyak 401 unit Parkir motosikal dan Kemudahan OKU Lif, Tandas, Covered Walkway, CCTV Projek dijangka siap pada tahun bulan Mac 2015 *Provision of 401 units of car parks* *Motorcycle parks and Facilities for the Disabled* *Lifts, Toilets, Covered Walkway, CCTV* *Project is expected to be completed by March 2015*
Seremban	Penyediaan petak letak kereta sebanyak 600 unit Parkir motosikal dan Kemudahan OKU Lif, Tandas, CCTV, Surau, Kiosk, Pejabat Peralatan Semboyan & Komunikasi Projek telah siap sepenuhnya *Provision of 600 units of car parks* *Motorcycle parks and Facilities for the Disabled* *Lifts, Toilets, CCTVs, Suraus, Kiosks, Signals and Communication Office* *Project has been fully completed*
Bangi	Penyediaan petak letak kereta sebanyak 270 unit Parkir motosikal dan Kemudahan OKU CCTV, Kiosk Projek talah siap sepenuhnya *Provision of 270 units of car parks* *Motorcycle parks and Facilities for the Disabled* *CCTVs, Kiosks* *Project has been fully completed*
Padang Jawa	Penyediaan tambahan petak letak kereta sebanyak 113 unit Parkir motosikal dan Kemudahan OKU Projek dijangka siap pada bulan Februari 2014 *Provision of additional 113 units ofcar parks* *Motorcycle parks and Facilities for the Disabled* *Project is expected to be completed by February 2014*
Seri Setia	Penyediaan petak letak kereta sebanyak 100 unit Parkir motosikal dan Kemudahan OKU Laluan pejalan kaki berbumbung, CCTV, Kiosk Projek telah siap sepenuhnya *Provision of 100 units of car park* *Motorcycle parks and Facilities for the Disabled* *Covered Walkway, CCTV, Kiosks* *Project has been fully completed*
PT103, Pudu	Penyediaan petak letak kereta sebanyak 450 unit Kemudahan OKU dan laluan pejalan kaki berbumbung Projek telah siap sepenuhnya *Provision of 450 units of car park* *Facilities for the Disabled and Covered Walkway* *Project has been fully completed*

Jadual 13: Senarai stesen komuter dan skop projek

Schdule 13: List of commuter stations and scope of projects

Projek Pembinaan *Park N Ride* dibawah Inisiatif *National Key Result Area* (NKRA) Di Bawah Program Tranformasi Nasional (GTP2.0) Peringkat Kementerian Pengangkutan.

Di bawah program GTP 2.0, terdapat dua stesen komuter telah dikenal pasti mempunyai keluasan tanah yang sesuai untuk pembinaan tempat letak kereta secara bertingkat, iaitu Stesen Komuter Klang dan Stesen Komuter Rawang. Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan secara bersama dengan JKR Malaysia.

Sistem Maklumat Aset

Pada tahun 2013, kerja-kerja pengemaskinian dua sistem maklumat berkomputer PAK, iaitu Sistem Daftar Aset Tetap (FARS) dan Sistem Maklumat Geospatial (GIS) dilaksanakan secara berterusan. Kedua-dua sistem berkomputer ini banyak membantu Bahagian Pembangunan Hartanah dalam mengawalselia, mengurus, menyenggara dan membangunkan aset-aset kereta api yang digunakan sebagai instrumen untuk mengesan lokasi, pemantauan, menyenggara rekod tanah dan infrastruktur kereta api.

Pelupusan Aset-aset Infrastruktur

Sepanjang tahun 2013, kerja-kerja pelupusan aset-aset infrastruktur seperti kuarters usang, landasan dan pelupusan kayu landasan kereta api giat dijalankan di sepanjang jajaran Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh ke Padang Besar, Seremban ke Gemas dan Gemas ke Johor Bahru yang sedang dalam pelaksanaan. Berikut adalah jumlah nilai mata benda terpakai yang telah dilupuskan oleh PAK.

The construction of Park N Ride Project under the National Key Result Area (NKRA) Inisiative under National Transformation Programme (GTP2.0) at the Ministry of Transport level

Under the GTP 2.0, Programme, there are two commuter stations identified to have a large piece of land suitable for the construction of multistorey car parks, that is Klang Commuter Station and Rawang Commuter Station where both projects will be implemented on a joint-venture basis with PWD Malaysia.

Asset Information System

In 2013, updating works on two (2) RAC's computerised information system, that is, Fixed Assets Registration System (FARS) and Geospatial Information System (GIS) was always carried out. Both computerized systems tremendously helped the Properties Development Unit in regulating, managing, maintaining and developing railway assets where it is used as an instrument to detect locations, monitor and maintain railway lands and infrastructures.

Disposal of Infrastructure Assets

Throughout 2013, disposal works on infrastructure assets such as obsolete quarters, railway tracks and their wooden underlays were actively carried out along the Ipoh to Padang Besar Elctrical Double Tracking Project alignment, Seremban to Gemas and Gemas to Johor Bharu which are still under construction. The following are the monetary values of the used assets disposed off by the RAC .

BIL *NO*	JENIS PELUPUSAN *TYPE OF DISPOSAL*	JENIS MATA BENDA TERPAKAI *TYPE OF USED ASSETS*	NILAI (RM) *VALUE (RM)*
1.	Kontrak Hidmalayan (M) Sdn. Bhd. *Contract Hidmalayan (M) Sdn. Bhd.*	Rel *Rails*	815,607.65
		Kayu Landasan *Wooden railway sleepers*	15,381.00
		Bangunan kuarters/stesen keretapi *Building - quarters/railway station*	28,635.20
		Jambatan *Bridge*	252,238.39
		Peralatan signalling *Signaling equipments*	-
2.	Kontrak Safe Recycle (M) Sdn. Bhd. *Contract Safe Recycle (M) Sdn. Bhd.*	Rel *Rails*	-
		Kayu Landasan *Wooden railway sleepers*	8,460.00
		Bangunan kuarters/stesen keretapi *Building - quarters/railway station*	4,554.00
		Jambatan *Bridge*	-
		Peralatan signalling *Signaling equipments*	-
3.	Sebut Harga *Quotation*	Bangunan kuarters/stesen keretapi *Building - quarters/railway station*	313,365.30
4.	Jualan Runcit *Retail*	Kayu landasan *Wooden railway sleepers*	375,363.20
JUMLAH *TOTAL*			**1,813,604.74**

Jadual 14: Nilai mata benda terpakai yang telah dilupuskan sehingga 31 Disember 2013

Schedule 14: Monetary value of used assets disposed as at 31 December 2013













Gambar 22: Pelupusan peralatan rel dan kayu landasan kereta api di Stesen Kereta Api Kajang

Picture 22: Disposal of rail equipment and rail timber in Kajang railway station

Gambar 23: Pelupusan rel dan kuarters di Stesen Kereta Api Segamat, Johor

Picture 23: Disposal rail and quarters in Railway Station Segamat, Johor

UNIT KEWANGAN & AKAUN
FINANCE & ACCOUNTS UNIT

LATAR BELAKANG
BACKGROUND

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen yang penting dalam sesebuah organisasi dalam memastikan segala sumber kewangan diurus dan dikawal dengan baik bagi memastikan semua peraturan kewangan dipatuhi selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang berkuat kuasa. Pengurusan Kewangan dan Akaun PAK dipertanggungjawabkan dan dikendalikan oleh Unit Kewangan dan Akaun. Fungsi unit ini termasuklah:

i. Merancang, menyedia, memohon, mengawal dan menyelaras Belanjawan Mengurus terutama dalam aspek keperluan dan agihan peruntukan, pemantauan dan pengurusan perbelanjaan.

ii. Menguruskan penerimaan, pembayaran dan menyelaras Belanjawan Pembangunan melalui pengesahan kerja oleh Bahagian Pembangunan Hartanah bagi projek – projek menaiktaraf dan membangunkan infrastruktur pengkeretapian.

iii. Menguruskan kutipan hasil sewa tanah rizab, tanah hak milik, bangunan dan gudang milik Perbadanan Aset Keretapi melalui data – data penyewaan yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Perbadanan Aset Keretapi.

iv. Menguruskan perolehan bekalan/kerja/ perkhidmatan secara pembelian terus/ sebut harga/tender berdasarkan arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

v. Menguruskan akaun dan penyediaan penyata/laporan kewangan selaras dengan keperluan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan.

Finance and accounts management is a very important element in any organisation and responsible in ensuring all financial resources are well managed, controlled and ensure that all financial procedures are complied with, consistent with the Treasury Instructions and Financial Procedures currently enforced. RAC's Finance and accounts management is entrusted to and handled by the Finance and Accounts Unit. Among the functions of this unit are:

i. Plan, provide, request, control and coordinate Managemnet Budget especially in the aspects of needs and distribution of allocation, monitoring and expenditure management;

ii. Manage receipts, payments and coordinate Development Budget through confirmation of work by the Property Development Unit for upgrading and developing railway infrastructures;

iii. Manage RAC reserve lands revenues, owned lands, buildings and warehouses through rental data managed by the RAC Property Management Unit;

iv. Manage supplies / works / services through direct purchases / quotations / tenders based on instructions and circulars currently enforced;

v. Manage accounts and prepare data / financial reports consistent with the need to control and endorse spending; and

vi. Memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan, perolehan dan akaun.

vi. Provide advisory services regarding financial management, procurement and accounts.

PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI
ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSET CORPORATION FUND

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang PAK) secara rasminya ditubuhkan pada tahun 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah PAK agar urusan kewangan PAK dikenali dengan satu Kumpulan Wang. Penubuhan Kumpulan Wang PAK adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 "Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Wang").

Mengikut Seksyen 98 (2) Akta Keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada:

i. "apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;

ii. apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan

iii. wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urus niaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Perbadanan."

The Railway Asset Corporation Fund (RAC Fund) was officially established in 2011 with the approval of the Board of Directors so that RAC's financial management will be known with a Fund. The setting up of the RAC Fund is consistent with Section 98 (1) Railway Act 1991 which states "For the purposes of this Part, there shall be established a Railway Assets Corporation Fund (hereinafter referred to as "the Fund").

According to Section 98 (2) Railway Act 1991, the Fund shall consist of;

i. "Such sums as may be provided by the Federal Government from time to time for the purposes of this Corporation under this Part;

ii. Such sums as may be made available from time to time to the Corporation by way of loans; and

iii. Moneys earned or arising from any sale of property or any other transaction relating to property or investments, mortgages, charges or debentures acquired or vested in the Corporation."

Manakala, Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 menjelaskan perbelanjaan yang dibenarkan, "Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan perkhidmat-perkhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran".

Meanwhile, Section 98 (3) of the Railway Act 1991 explains the authorised expenditure, "The Fund shall be expended for the purposes of paying any expenditure lawfully incurred by the Corporation for carrying into effect the provisions of this Part and the remuneration of officers and servants appointed and employed by the Corporation, including superannuation allowances, pensions or gratuities".

ANALISA PRESTASI KEWANGAN *FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS*

Punca Kewangan

Punca Kewangan PAK terdiri daripada tiga komponen utama iaitu geran operasi, geran pembangunan, hasil sewaan tanah-tanah kereta api (dan aset-aset di atasnya) dan lain-lain pendapatan seperti hasil faedah, jualan kayu terpakai dan besi lusuh.

i. Geran Operasi

Geran Operasi merupakan geran mengurus yang diberikan oleh Kerajaan kepada PAK sebagai sumbangan dana bagi melaksanakan program dan aktiviti tahunan yang dirancang. Berbanding tahun 2012, terdapat peningkatan bagi jumlah geran mengurus bagi tahun 2013 untuk tujuan belanja operasi, iaitu daripada RM3.57 juta kepada RM5.724 juta. Pertambahan ini disebabkan peruntukan Dasar Baru bagi pembayaran cukai tanah. Di samping itu, PAK juga menerima sejumlah Geran Operasi yang digunakan bagi bayaran balik pinjaman jangka panjang yang diambil alih daripada Pentadbiran KTM pada tahun 1992. Namun begitu, penurunan ketara bagi pinjaman balik jangka panjang, iaitu hanya RM8 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 dengan

Sources of Finance

RAC's sources of finance comprised of three (3) main components; namely operation grant, development grant, revenue from railway lands (and assets on them) and other incomes such as interests, sales of used woods and scrap steel.

i. Operation Grant

Operation Grant is a grant for operating expenses given by the Government to RAC as contribution for implementing planned annual programmes and activities. Compared to 2012, 2013 showed a slight increase from the aspect of operating grant for expenses from RM3.57 million to RM5.724 million where RAC's New Policy provided for the payment of land taxes. Besides that, RAC also received a certain amount of Operating Grant used for repayment of long-term loans which were taken over from Pentadbiran KTM in 1992. However, there was a significant drop in repayment of long-term loans that is just RM8 million in 2013 compared to RM20 million in 2012. The comparison between Operating Grants received in 2013 against 2012 is as follows:

peruntukan RM20 juta. Perbandingan geran operasi yang diterima pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti yang berikut:

Perkara *Item*	Tahun 2013 *Year 2013*	Tahun 2012 *Year 2012*
Bayaran balik pinjaman jangka panjang *Repayment of long-term loans*	8,000,000	20,000,000
Belanja mengurus *Operating Expenditure*	5,724,000	3,570,000
JUMLAH *TOTAL*	**13,724,000**	**23,570,000**

Jadual 15: Geran Operasi tahun 2013 dan tahun 2012

Schedule 15: Operating Grants in 2013 and 2012

ii. Hasil Sewaan dan Tumpang Lalu Tanah dan Aset Kereta Api

ii. Revenues from Rents, Land Wayleaves and Railway Assets

Hasil sewaan merupakan pendapatan sewaan atau pajakan tanah aset di atas tanah hak milik dan tanah rizab keretapi. Selain sewa tanah, hasil sewaan juga diperoleh daripada aset-aset di atas tanah seperti bangunan, kuarters, premis perniagaan di atas stesen dan lain-lain lagi. Hasil sewaan yang direkodkan dikutip oleh PAK dengan perjanjian penyewaan diantara PAK dan penyewa. Bermula pada tahun 2012, PAK telah mengambil alih penyewaan daripada KTMB. Langkah ini menyebabkan hasil kutipan sewa PAK meningkat sebanyak RM12,020 juta berbanding tahun sebelumnya dan peningkatan hasil ini terus dicatatkan pada tahun 2013 berjumlah RM13,501 juta. Peningkatan yang ketara ini juga disebabkan oleh kutipan pembayaran sewa yang lebih komprehensif. Perbandingan hasil sewa tahun 2013 dan 2012 adalah seperti yang berikut:

Revenues from rents constituted rents on lands and assets on railway owned lands and reserve lands. Apart from land rents, rent revenues were also received from assets on lands such as buildings, quarters, business premises in the stations and others. Revenues from rents recorded were collected by RAC through rent agreements between RAC and tenants. Since 2012, RAC had taken over renting activities from KTMB. This move resulted in increased rents PAK RM12,020 million over the previous year and an increase in revenue was directly recorded in 2013 amounted RM13,501 million. A significant increase was also due to the collection of rental payments more comprehensive. Comparison in rent revenues in 2013 and 2012 is as follows:

Hasil Sewaan / Hasil Waylif *Rental Revenue/Wayleave Revenue*	Tahun 2013 *Year 2013*	Tahun 2012 *Year 2012*
Tanah Milik *Titled Land*	3,998,744	4,048,000
Tanah Rizab *Reserve Land*	7,833,617	7,806,000
Waylif *Wayleave*	1,669,221	166,000
JUMLAH *TOTAL*	**13,501,582**	**12,020,000**

Jadual 16: Hasil Sewa Tanah Milik dan Tanah Rizab tahun 2013 dan tahun 2012

Schedule 16: Revenues from the Rental of Owned Lands and Reserve Lands in 2013 and 2012

iii. Pendapatan

Komponen utama lain pendapatan PAK ialah pendapatan daripada hasil faedah Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi, iaitu atas baki akaun semasa dan simpanan tetap. Pada tahun 2012, hasil faedah mencatatkan terimaan sejumlah RM733 ribu, dan peningkatan yang tinggi telah dicatatkan pada tahun 2013, iaitu RM16.485 juta. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelaburan jangka pendek antara bulanan hingga 12 bulan bagi dana yang tidak digunakan untuk tahun semasa. Pelaburan yang dilaksanakan ialah pelaburan yang tidak berisiko dengan jaminan pulangan yang tetap. Lain-lain pendapatan juga merangkumi komponen terimaan seperti hasil jualan bahan-bahan lusuh infrastruktur kereta api seperti besi dan kayu – kayu terpakai. Pendapatan ini juga termasuk hasil daripada meroboh kuarters, penjualan mata benda terpakai, jualan borang tender, sebut harga dan jualan salinan pelan. Tahun 2013 mencatatkan sedikit penurunan kepada RM2.126 juta bagi hasil daripada lain-lain pendapatan berbanding RM2.22 juta pada tahun 2012. Hasil yang dicatatkan adalah daripada jualan bahan lusuh bagi memberi laluan kepada Projek Landasan Berkembar

iii. Revenues

RAC's other main component revenues constituted revenues from interests of Railway Assets Corporation Fund that is the balance from the current accounts and also interests from fixed deposits. In 2012, interests recorded receipts of RM733 thousands and a higher increase was recorded in 2013 with RM16.485 million. This increase was also the result of short-term investments ranging from monthly to 12 months for funds that were unutilised in the current year. The investments made were non-risky with guaranteed fixed returns. Other incomes were derived from the sales of railway infrastructure scraps such as steel and wood. These incomes also include revenues from the demolition of quarters, used assets, sale of tender forms, quotations and plan copies. The year 2013 recorded a slight decrease in revenues from other incomes amounting to RM2.126 million compared to the collection recorded in 2012 amounting to RM2.22 million. The revenues recorded were derived from the sales of scrap items to give way to the Ipoh – Padang Besar Electric Railway Double-Tracking Project and the Seremban – Gemas Electric Railway Double - Tracking Project.

Ipoh – Padang Besar dan Projek Landasan Berkembar Seremban – Gemas.

Perbandingan Lain-lain Pendapatan di antara tahun 2013 dan 2012 adalah seperti yang berikut :

The Comparison in Other Incomes between 2013 and 2012 is as follows:

Pendapatan Lain *Other Incomes*	Tahun 2013 *Year 2013*	Tahun 2012 *Year 2012*
Faedah atas simpanan dan pinjaman kakitangan *Interests on savings and staff loans*	16,485,162	734,000
Jualan barang lusuh dan pendapatan lain *Sales of scrap items and other incomes*	2,126,004	2,223,400
JUMLAH *TOTAL*	**18,611,206**	**2,957,400**

Jadual 17: Lain-lain Pendapatan tahun 2013 berbanding tahun 2012

Schedule 17: Other Incomes in 2013 compared to 2012

Perbelanjaan

Expenditure

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan pengurusan aset dan pembayaran balik hutang.

Expenditure is classified as administrative expenditure, asset management expenditure, infrastructure expenditure and repayment of loans.

i. Perbelanjaan Pentadbiran

i. Administrative Expenditure

PAK menerima Peruntukan Belanja Mengurus pemberian Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan sebagai dana untuk melaksanakan dan menyokong program dan aktiviti tahunan yang dirancang. Komitmen Belanja Mengurus membiayai emolumen gaji dan elaun pegawai dan staf PAK serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan serta belanja pentadbiran bagi tujuan pengurusan pejabat PAK. Di bawah aktiviti Pemberian dan Kenaan bayaran Tetap, PAK ada memperuntukkan sebahagian kecil peruntukan untuk tujuan memberi derma dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan badan kebajikan. Selebihnya, PAK ada membuat sumbangan kepada aktiviti

RAC receives Government Operating Expenditure Allocations through the Ministry of Transport as a fund to implement and support planned programmes and activities. The commitments of Administrative Expenditure included salaries and allowance emoluments of RAC officers and staffs as well as covering other operational costs such as utilities, transportation and administrative costs of RAC's office. RAC also kept a small portion of allocation for donations and gifts to non-governmental organisations and welfare bodies. As for the balance, RAC also made contributions to the Ministry's activities as supervision fees of KTMB. Other expenditures basically were for legal fees, valuation fees, land rents, clearing areas, erection of fences and signboards

Kementerian dan bayaran yuran pengawasan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad. Perbelanjaan-perbelanjaan lain secara dasarnya melibatkan perbelanjaan bayaran guaman dan perbelanjaan pengurusan aset seperti bayaran penilaian, cukai tanah, pembersihan kawasan, pemasangan pagar dan pemasangan papan tanda yang juga diklasifikasikan sebagai perbelanjaan pengurusan aset. Peningkatan perbelanjaan di bawah perbelanjaan lain adalah kerana PAK melaksanakan pembayaran cukai tanah bagi tanah yang telah diletak hak kepada PAK. Perbandingan belanja pentadbiran antara tahun 2013 dan tahun 2012 adalah seperti yang berikut:

which are also classified as asset management expenditure. The increase in expenditure in other expenses was due to RAC paying high taxes because RAC was paying land taxes for lands that were vested on the RAC. The comparison in administrative expenditures between 2013 and 2012 is as follows:

Kod Program *Programme Code*	Nama Program *Name of Programme*	Tahun 2013 *Year 2013*	Tahun 2012 *Year 2012*
10000	Emolumen *Emolument*	2,274,795	1,930,557
20000	Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies*	3,261,341	2,685,697
30000	Aset *Assets*	-	42,610
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *Gifts and Other Fixed Charges*	379,284	699,194
50000	Perbelanjaan Lain *Other Expenses*	6,462,586	3,666,576
JUMLAH *TOTAL*		**12,378,006**	**9,024,634**

Jadual 18: Perbelanjaan Mengurus PAK Tahun 2013 dan Tahun 2012

Schedule 18: RAC Operating Expenditure in 2013 and 2012

ii. Perbelanjaan Pengurusan Aset

ii. Asset Management Expenditure

Perbelanjaan pengurusan aset ialah perbelanjaan bagi tujuan bayaran penilaian, cukai tanah serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan aset yang lain seperti pembersihan kawasan, pemasangan pagar dan pemasangan papan

Asset management expenditure comprised expenses for valuation, land taxes as well as other asset maintenance and management such as area clearance, erection of fences and signboards. In 2010 and 2011 RAC settled a large amount of land taxes among them in

tanda. Pada tahun 2010 dan 2011, PAK telah menyelesaikan sejumlah besar tunggakan cukai tanah antaranya di negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Perak, Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Memandangkan sumber peruntukan pemberian Kerajaan adalah terhad, PAK mengguna pakai sumber kewangan daripada hasil kutipan sewa 2012 untuk menampung sebahagian perbelanjaan PAK terutamanya pembayaran cukai tanah dan cukai taksiran. Manakala bagi tahun 2013, PAK ada menerima bantuan peruntukan daripada geran mengurus Kerajaan bagi pembayaran cukai tanah yang dapat meringankan beban PAK. Perbelanjaan pengurusan aset ini dilaksanakan selaras dengan usaha dan hasrat PAK dalam memastikan bahawa aset (terutama tanah) diselenggara dengan efektif dan bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak – pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi tanah-tanah dan sebahagian bangunan yang sesuai dan dalam keadaan yang kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat – syarikat dan individu – individu yang berminat bergantung pada kekosongan dan kesesuaian lokasi. Selain itu, perbelanjaan yang tinggi dicatatkan pada tahun 2013 adalah kerana PAK membuat peruntukan hutang ragu bagi hutang yang tidak dapat dituntut pada tahun semasa.

Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Perak, Negeri Sembilan, Perlis and Federal Territory of Kuala Lumpur. In view of the limited amount of resources provided by the Government, RAC used financial resources from the rent revenues collected in 2012 to cover part of the RAC's expenditure especially to pay for land taxes and assessment rates. This asset management expenditure was spent in accordance with RAC's efforts and aspiration in ensuring that assets (especially lands) were effectively maintained to avoid intrusions by irresponsible parties. For lands and some buildings which are conducive, they will be rented out to interested corporate bodies, companies and individuals depending on vacancies and suitability of locations. Besides this, the high expenditure recorded in 2013 was due to RAC providing allocation for vague debts which were not claimed in the current year.

Keseluruhan belanja pengurusan aset direkodkan seperti yang berikut :-

The overall assets management expenditures recorded are as follows:-

Perbelanjaan *Expenditure*	Tahun 2013 *Year 2013*	Tahun 2012 *Year 2012*
Tanah Milik *Titled lands*	2,172,149	2,461,862
Tanah Rizab *Reserve lands*	3,845,110	213,828
Komisyen Pemungut Sewa *Rental Collection Commissions*	113,994	87,653
Perkhidmatan Pengurusan Harta *Asset Management Services*	-	469,396
JUMLAH *TOTAL*	**6,131,253**	**3,232,739**

Jadual 19: Perbelanjaan Pengurusan Aset tahun 2013 berbanding tahun 2012

Schedule 19: Assets Management Expenditure in 2013 compared to 2012

iii. Pembayaran Balik Hutang-hutang

Pinjaman Kerajaan Persekutuan (secara terus), Pinjaman semula (Relending Loan) dan Pinjaman Komersial diambil alih oleh PAK daripada pentadbiran KTM pada tarikh yang sama KTMB diwujudkan, iaitu pada Julai 1991. Selain mewarisi kesemua aset kereta api setelah pembubaran pentadbiran KTM, Perbadanan ini juga mengambil alih kesemua liabiliti dan hutang pada ketika itu dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion. Pada 31 Disember 2007, PAK telah selesai membayar sebahagian daripada liabiliti berkenaan. Tanggungan hutang PAK keseluruhannya pada tahun 2013 berjumlah RM1.109 bilion berbanding RM1.163 bilion sebelum semakan semula dilaksanakan pada tahun 2011. Jumlah perbezaan baki semasa ini adalah berdasarkan jadual seperti yang berikut:

iii. Repayment of Loans

Federal Government Loans (direct), Relending Loans and Commercial Loans were taken over by RAC from Pentadbiran KTM on the same date KTMB was established in Julai 1991. Besides inheriting all railway assets after the dissolution of Pentadbiran KTM, RAC also took over all liabilities and debts on that date which were estimated at RM1.763 billion. On 31st December 2007, RAC had settled some of the liabilities concerned. The overall RAC's debt burden in 2013 amounted to RM1.109 billion compared to RM1.163 billion before revision was conducted in 2011. The current total balance is based on the following schedule:

JENIS HUTANG *TYPE OF DEBT*	JUMLAH DIAMBIL ALIH (1992) (RM) *TOTAL AMOUNT TAKEN OVER (1992) (RM)*	BAKI PADA 31/12/2013 (RM'000) *BALANCE AT 31/12/2013 (RM'000)*
Kerajaan *Government*	1,179,786,127	655,058
Komersial *Commercial*	30,101,631	0
UK Malaysia Aid *UK Malaysia Aid*	58,498,000	42,441
Pinjaman Semula *Relending Loan*	554,021,881	381,798
JUMLAH *TOTAL*	**1,763,909,639**	**1,079,297**

Jadual 20: Baki Hutang Pinjaman Kerajaan tahun 2013

Secara dasarnya, berdasarkan jadual di atas, hutang yang telah diambil alih daripada Pentadbiran KTM boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu :

i. Pinjaman Komersial

Pada asalnya PAK mengambil alih empat jenis hutang komersial daripada Pentadbiran KTMB yang telah dibayar sepenuhnya pada tahun 2006, iaitu pinjaman daripada:

i. Bank Dunia berjumlah RM6,977,680 telah habis dibayar pada tahun 1996
ii. UMBC berjumlah RM2,500.00 telah habis dibayar pada tahun 1997
iii. Kredit Pembekal Ganz Mavang bernilai RM5,439,501 telah habis dibayar pada tahun 2001
iv. RHB Bank (dahulunya Kwong Yik Bank) berjumlah RM15.184,450 habis dibayar pada tahun 2006

Schedule 20: Balance of Government Loan Debts in 2012

In principle, based on the above schedule, debts taken over from Pentadbiran KTM can be classified into three (3) types, namely :-

i. Commercial Loans

Originally RAC took over four (4) types of commercial debts from Pentadbiran KTM which was fully paid in 2006 comprising loans from:

i. World Bank totaling RM6,977,680 was fully paid in 1996;
ii. UMBC totaling RM2,500.00 was fully paid in 1997;
iii. Credit Provider Ganz Mavang valued at RM5,439,501 was fully paid in 2001; and
iv. RHB Bank (formerly Kwong Yik Bank) totaling RM15,184,450 was fully paid in 2006.

ii. Pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus

Pinjaman ini ialah pinjaman yang diterima secara terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Pentadbiran KTM. Pada asalnya PAK mengambil alih 76 pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus berjumlah RM1,249,830,478.71. Pada tahun 1996, Perbendaharaan telah menyusun semula 75 daripada 76 pinjaman ini (kecuali UK Malaysia Aids) kepada satu pinjaman yang baharu yang jumlah pokok 75 pinjaman sebanyak RM1,221,827,567.15 menjadi satu pinjaman baharu berjumlah RM1,508,116,279.54 tanpa kadar faedah. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 19 tahun dengan peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan.

iii. Pinjaman dari luar yang dipinjamkan semula oleh Kerajaan Persekutuan

Mengikut perjanjian ini, Pentadbiran KTM perlu membayar bayar balik apa sahaja yang dibayar oleh Kerajaan kepada pemberi pinjaman termasuk faedah, kawat dan tukaran mata wang asing. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang diperoleh oleh Kerajaan dari luar negara khusus untuk sesuatu projek dan ia dipinjamkan semula kepada Pentadbiran KTM dengan cara "back to back". Pada masa ini terdapat tujuh pinjaman jenis ini yang dikenal pasti, iaitu:

i. Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Jepun
ii. Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Jepun
iii. Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Jepun
iv. Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Jepun
v. Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 juta, Republik Jerman (RS7266026) – Telah dijelaskan pada tahun 2006.
vi. Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 juta, Republik Jerman (RS7665029) – Telah dijelaskan pada tahun 2006.
vii. Ssang Yong, Korea – Telah dijelaskan pada tahun 2003.

ii. Direct Federal Government Loans

These loans were received direct from the Federal Government to Pentadbiran KTM. Initially RAC took over 76 direct Federal Government loans totaling RM 1,249,830,478.71. In 1996, the Treasury rescheduled 75 from 76 of these loans (except for UK Malaysia Aid) to a new loan where the basic 75 loans of RM 1,221,827,567.15 became a new loan toatling RM 1,508,116,279.54 at the rate of 0% interest. This loan must be repaid within the period of 19 years with an allocation provided by the Government.

iii. Foreign Loans Reloaned by Federal Government

